

Jilid II  
Bil. 29



Hari Jumaat  
14hb Oktober, 1958

**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**  
*House of Representatives*

**PARLIMEN KETUJUJUH**  
*Seventh Parliament*

**PENGGAL KEDUA**  
*Second Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 5261]

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Kesatuan Sekerja (Pindaan) [Ruangan 5306]

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1987) (No. 2) 1988  
[Ruangan 5369]



MALAYSIA  
**DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KEDUA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (SantubOHg).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN (Merbok).

Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).

Yang Berhormat Menteri Buruh. TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).

- .. Menteri Belia dan Sukan. DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri. DATUK KASITAH BIN GADDAM, P.G.D.K. (Kinabalu).
- .. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- .. Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.U., S.I.M.P., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- .. Menteri Kebudayaan dan Pelancongan. DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK. D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).
- .. Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri. DATO DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- .. Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD. S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- .. Timbalan Yang di-Pertua, DATO' HAJI MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- .. Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. YIJANDRAN (Kapar).
- .. Timbalan Menteri Kesihatan. DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- .. Timbalan Menteri Pertahanan, DATO ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- .. Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.s.N.s., s.M.j. (Segamat).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- .. Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- .. Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' NG CHENG KUAI, D.P.M.P., A.M.P. (Lumut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER Yu LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- .. Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT. A.M.N. (Selandar).
- .. Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- .. Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN Yow, A.M.P. (Tanjong Malim).
- .. Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN Osu BIN HAJI SUKAM (Papar).
- .. Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- .. Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., p.B.s. (Sarikei).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., p.j.K. (Hulu Terengganu).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO ARIPPIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- .. Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- .. Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- .. Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- .. Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titivangsa).
- .. Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BBN ABDUL (Pendang).

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).

TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).

„ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).

DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K., (Kota Setar).

DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).

„ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K., (Sungai Petani).

„ TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).

„ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).

„ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).

„ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).

DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

„ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan

DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).

TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

Yang Berhormat TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).

DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).

TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).

DR CHEN MAN HIN (Seremban).

„ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).

TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).

TUAN SAMSON CHIN CHEE Tsu (Tawau).

TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).

DR V. DAVID (Puchong).

TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).

" DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).

TUAN FUNG KET WING (Sandakan).

TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).

TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).

DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).

TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).

„ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).

TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).

„ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).

TUAN HU SEPANG (Rasah).

TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).

„ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).

„ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).

TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).

TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).

TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).

„ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).

„ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).

„ TUAN R. KARPAL SINGH (Jetutong).

TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).

TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).

Yang Berhormat TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N.,  
A.M.N. (Pontian).

- " TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
- TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N.,  
P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., **P.S.** (Kuala Kerai).
- TUAN HAJI MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I.  
(Muar).
- TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM,  
D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M.  
(Balik Pulau).
- TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek  
Gelugor).
- „ DATUK.SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M.  
(Alor Gajah).
- TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.U., S.P.M.S., D.U.N.M.,  
S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- » ' TUAN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K.,  
S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.S.T.J.  
(Limbawang).

Yang Berhormat TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).

TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).

TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).

DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).

TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).

TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).

DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).

DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).

TUAN P. PATTO (Ipoh).

TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).

DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N.,  
A.M.N. (Saratok).

TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).

DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).

DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M.,  
S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).

DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M.,  
S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).

DATO' HAJI.SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N.,  
P.J.K. (Tasik Chenderoh).

DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).

TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).

DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).

PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED,  
S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).

TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).

TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).

TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).

DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N.  
(Batang Lupar).

TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).

DR TAN SENG.GIAW (Kepong).

TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).

TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).

Yang Berhormat TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).

- TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- „ TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE, P.S.D, P.M.P., A.M.P., A.M.N., J.P. (Tambun).
- PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

#### *Pelapor Perbahasan Parlimen:*

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.



MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

---

 Jumaat, 14hb Oktober, 1988
 

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang*

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

## PENASIHAT PENDIDIKAN TINGGI

**1. Tuan Haji Mohd. Sharif bin Jajang** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) apakah kemajuan pendidikan negara khususnya pengajian tinggi sejak diwujudkan jawatan Penasihat Pendidikan Tinggi. Adakah jawatan ini merupakan kenaikan pangkat bagi Tan Sri Dato Prof. Dr Awang Had Salleh; dan
- (b) apakah Kerajaan bercadang mewujudkan Kementerian Pendidikan Tinggi memandangkan bertambah banyaknya Universiti. Maktab dan Institusi pendidikan tinggi.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Micheal Toyad):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Yang Berbahagia Tan Sri Dato telah dilantik sebagai Penasihat Pendidikan Tinggi bagi membantu Kementerian dalam usaha

mempertingkatkan kecemerlangan institusi pengajian tinggi tempatan dan beliau telah dilantik pada bulan Jun, 1988.

- (b) untuk maklumat Ahli Yang Berhormat juga, buat masa sekarang Kerajaan belum lagi bercadang untuk mewujudkan Kementerian Pendidikan Tinggi.

**Tuan Haji Hussein bin Haji Talb:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah jawatan Penasihat Pendidikan Tinggi ini merupakan satu jawatan baru yang diwujudkan di Kementerian Pendidikan. dan adakah ia merupakan jawatan sementara sahaja dan apakah selama ini Kementerian Pendidikan tidak mempunyai Penasihat-penasihat di Pendidikan Tinggi.

Yang kedua, adakah Kementerian bercadang untuk mengkaji semula kurikulum Pusat-pusat Pengajian Tinggi di mana membolehkan para graduan-graduannya boleh hidup secara berdikari tanpa bergantung kepada jawatan-jawatan dalam sektor awam.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan kedua terkeluar daripada pertanyaan asal, sila jawab soalan pertama sahaja.

**Dr Leo Micheal Toyad:** Jawab soalan pertama dan ketiga — ada tiga soalan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dr Leo Micheal Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, memang jawatan yang telah diwujudkan itu adalah jawatan yang tetap.

Menjawab soalan yang ketiga tadi, Kementerian Pendidikan akan terus berusaha untuk menilaikan kurikulum-kurikulum di Pusat Pengajian Tinggi kita dan tekanan telah diberi juga di mana ada kelemahan, bahawa tujuan kita untuk menghasilkan pelajar atau mahasiswa yang berdikari dari Institusi Pengajian Tinggi tempatan kita.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, bilakah sebenarnya jawatan ini diwujudkan dan apakah skim yang diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

Yang keduanya, apakah kriteria-kriteria dan juga keistimewaan yang diambilkira untuk perlantikan jawatan ini? Adakah kerana prestasi yang tinggi daripada Naib Canselor itu dalam menjalankan tugasnya di Universiti-universiti? Jadi sejauh manakah prestasi yang dicapai oleh bekas Naib Canselor Universiti Utara ini yang boleh diterimapakai untuk membolehkan Naib Canselor-Naib Canselor yang lain bertanding mendapat jawatan tersebut apabila kosong nanti?

**Dr Leo Micheal Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, perlantikan beliau adalah berasas kepada kebolehan dan pentingnya pengalaman dalam bidang pendidikan tinggi. Untuk soalan yang lain, saya mohon notis.

#### PENDUDUK 70 JUTA — PENCAPAIAN SASARAN

2. **Tuan Chua Jui Meng** minta Perdana Menteri menyatakan:

(a) adakah negara sedang menuju ke arah pencapaian sasaran 70

juta penduduk menjelang tahun 2100;

(b) apakah jangkaan jumlah penduduk bagi negara di tahun-tahun berikut:

- (i) 2000
- (ii) 2025
- (iii) 2050
- (iv) 2075
- (v) 2100; dan

(c) adakah pertambahan kadar penduduk negara akan memberi kesan kepada taraf hidup rakyat.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman):** Tuan Yang di-Pertua,

(a) arah aliran kadar pertumbuhan penduduk sekarang adalah selaras dengan pencapaian matlamat 70 juta penduduk menjelang tahun 2100;

(b) berdasarkan unjuran yang dibuat sehingga tahun 2025, penduduk Malaysia akan mencapai 22.2 juta menjelang tahun 2000 dan 35.3 juta pada tahun 2025. Kadar pertumbuhan sebanyak 1.9% setahun dalam tempoh ini adalah selaras dengan pencapaian 70 juta penduduk dalam abad ke 21. Untuk perhatian Yang Berhormat, unjuran tersebut dibuat sehingga 2025 sahaja memandangkan terdapat keadaan tidak menentu yang besar jika pertambahan penduduk dilihat dalam konteks jangka panjang kerana arah aliran demografi atau penduduk boleh dan dapat berubah dalam keadaan yang sukar diramalkan; dan

(c) pertambahan dalam kadar pertumbuhan penduduk akan selaras dengan pertambahan dalam kebajikan ekonomi

negara ini jika faktor-faktor seperti daya pengeluaran senantiasa dipertingkatkan dan tahap penggunaan sumber tenaga manusia tinggi.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, hampir tertelan gula. (*Ketawa*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sila teruskan kepada pertanyaan.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Saya terkejut, Tuan Yang di-Pertua. Tidak sangka dapat peluang.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Yang Berhormat Timbalan Menteri jelaskan tadi pertambahan penduduk mengikut dasar ini ialah hanya 1.9% sedangkan dalam laungan yang dibuat oleh pihak Kerajaan dalam pelancaran dasar ini dahulu ditegaskan bahawa kita hendakkan penduduk ramai supaya dapat memajukan ekonomi negara. Tetapi sebaliknya mengikut kadar tumbuhan ini 1.9% ialah rendah dari apa yang berlaku sekarang kerana yang berlaku sekarang ialah Sabah lebih kurang hampir 3%, Sarawak 2.5%, Semenanjung 2.4%, lebih kurang macam itu kalau "komputer" saya di atas ini betul.

Adakah Kerajaan akan mengkaji semula arah ini lantaran ia tidak selaras dengan apa yang dilaungkan dahulu, yang pertama.

Yang keduanya, adakah sesuai ini dilaksanakan matlamat memper-tingkatkan kualiti hidup rakyat tidak dapat dicapai kerana tidak bermakna kalau kita pertambahan penduduk andai kata hidup rakyat melarat kerana pertambahan penduduk bukan satu faktor untuk mempertingkatkan hidup rakyat.

**Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya maklumkan tadi

bahawa dalam proses membuat penganjuran dalam jangka masa tertentu maka pertambahan penduduk ini adalah dijangka pada tahap di paras 1.9%. Tetapi memang benar bahawa di paras sekarang adalah 2.5% pada keseluruhannya.

Tetapi biasanya pertumbuhan kependudukan ini berasaskan kepada faktor-faktor seperti kadar kematian, kadar kelahiran, kadar kesuburan dan juga faktor-faktor migrasi dan biasanya kita tersalah faham bahawa kadar pertumbuhan 70 juta ini adalah dalam jangka masa 115 tahun menjelang tahun 2100. Jadi untuk mencapai kepada tahap itu sudah semestinyalah pengunjurannya mengikut tarafnya berubah dari masa ke semasa.

Soalan kedua sama ada sesuai atau tidak, ini berasaskan kepada rasional, mengapa kita perlu mencapai matlamat kependudukan 70 juta iaitu, pertama menyediakan satu asas permintaan dan pasaran bagi pengeluaran industri tempatan dan untuk mewujudkan keadaan persaingan di pasaran dan selanjutnya akan meninggikan daya dan mutu pengeluaran untuk eksport juga pertumbuhan penduduk adalah dianggap sebagai modal utama untuk kemajuan ekonomi dan sosio sesebuah negara dan dengan itu dapat meningkatkan daya pengeluaran ekonomi. Sama ada ia sesuai atau tidak dilaksanakan dasar kependudukan ini disokong oleh program asas, sosial dan kemasyarakatan seperti program reproduksi dan juga perkhidmatan klinikal dan kesihatan dan juga program pembangunan kemasyarakatan dan kekeluargaan yang merupakan teras untuk memastikan supaya kejayaan atau pelaksanaan dasar ini berjaya.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut kadar yang disebut oleh Yang

Berhormat tadi ini bermakna pada tahun 2000 atau tahun 2025 bilangan penduduk akan bertambah lebih daripada yang dianjurkan. Bagaimanakah Yang Berhormat dapat, menyesuaikan bilangan penduduk yang diharapkan di negara ini dengan kadar sekarang 2.5% tetapi dihindaknya 1.9% sahaja. Jadi tidak ada sebutkan bagaimana kadar ini dapat dicapai.

**Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya untuk mencapai ke tahap 70 juta untuk sampai kepada satu tahap stabilising akan dikesan atau dimonitor, dengan izin paras kadar kesuburan taitu sekarang ini kadar kesuburan kita adalah lebih kurang 4 pada setiap wanita yang melahirkan, 4 bagi setiap keluarga.

Jadi dianggarkan untuk mencapai kepada satu tahap yang stable atau mantap kepada target-target yang kita anggarkan di dalam perancangan ataupun dasar kependudukan selaras dengan rancangan pembangunan negara itu akan dikesan kadar kesuburan mengikut tahap-tahap iaitu setiap lima tahun menurun kepada 1 point daripada empat yang ada sekarang ini.

Perkara ini sentiasa dikesan dan dijalankan kajian-kajian oleh pakar-pakar ekonomi yang menggunakan selalunya input daripada isu kependudukan ini sebagai asas dalam perancangan-perancangan seperti perancangan soal kesihatan, pendidikan, perumahan dan sebagainya merupakan selaras dalam proses menentukan keseimbangan di dalam pembangunan negara.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan sedar bahawa hasrat pencapaian 70 juta ini

akan gagal kerana beberapa faktor yang menghalangnya:

- (i) perancangan keluarga masih berjalan;
- (ii) Undang-undang keluarga iaitu tidak boleh kahwin lebih tahap izin isteri;
- (iii) isteri-isteri tidak suka berpoligami; dan
- (iv) pelajar lepasan universiti banyak mengganggu.

Kalau sekiranya Kerajaan sedar, apakah langkah-langkah yang akan diambil?

**Dato<sup>1</sup> Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, dasar ini akan gagal kerana ia memberi penekanan kepada soal perancangan keluarga, saya rasa Yang Berhormat itu tidak mengikuti perkembangan cara melaksanakan program ini kerana pada hari ini penekanan yang diberi bukan kepada perancangan keluarga tetapi kepada pembangunan keluarga. Dengan itu pilihan untuk menentukan kesihatan dan saiz keluarga itu adalah pilihan terhadap pasangan-pasangan termasuk agaknya Yang Berhormat. *(Ketawa)*

Tentang soalan kedua saya kira soalan ini terkeluar daripada soalan asal. Namun demikian saya kira persoalan ini bersabit dengan undang-undang, tidak pernah dipersoalkan soal hukum di sini tetapi yang kita persoalkan dari segi kesejahteraan kekeluargaan ataupun asas kepada program pembangunan keluarga. Itu adalah soal yang menentukan perlindungan ataupun keselamatan setiap ahli keluarga termasuk wanita dan saya kira wanita tidak akan membangkitkan sebarang isu kalau setiap ahli masyarakat termasuk terutama kaum bapa memainkan peranan yang bertanggungjawab.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman.

*(Soalan No. 3 Y.B. Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman tidak hadir).*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad.

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya pohon izin membetulkan sedikit salah cetak di baris 3 perkataan ketujuh iaitu "menggalakkan" diganti dengan perkataan "mengelakkan". Tuan Yang di-Pertua soalan ke 4.

#### WANG KERTAS DICONTENG

**4. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad** minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah jumlah wang kertas yang diconteng dan apakah usaha pencegahan yang diambil oleh Kerajaan untuk mengelakkan peristiwa nakal itu berlaku berulang kali.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Loke Yuen Yow):** Tuan Yang di-Pertua, Bank Negara Malaysia telah memberi orang ramai satu tempoh sehingga 31hb Oktober, 1988 untuk menukarkan wang kertas yang diconteng sama ada serius atau tidak, dengan wang kertas baru yang sama nilainya. Penukaran ini boleh dibuat di mana-mana bank perdagangan atau syarikat kewangan. Oleh kerana proses dan usaha ini masih dijalankan jumlah sebenarnya wang kertas conteng belum dapat dikenatpasti lagi.

Walau bagaimanapun saya difahamkan jumlah ini adalah tidak besar. Sungguhpun begitu, Bank Negara terpaksa memberi perhatian ke atas perkara ini dan mengambil tindakan awal supaya perbuatan ini tidak berterusan.

Di antara langkah-langkah utama yang telah diambil untuk mencegah perbuatan ini ialah dengan cara tidak memberi nilai ke atas wang-wang kertas yang diconteng dengan serius mulai 1hb November, 1988. Cara ini akan memberi kesedaran kepada orang ramai bahawa perbuatan menconteng wang kertas adalah tidak berfaedah dan merugikan mereka sendiri.

Di samping itu Bank Negara juga seringkali menasihatkan orang ramai melalui akhbar atau televisyen supaya sentiasa memberi kerjasama untuk mengekalkan wang kertas dalam edaran dengan sebersih mungkin dan tidak mencontengkan wang-wang kertas tersebut.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, selalunya orang menconteng wang kertas ini apabila nilainya agak rendah. Contoh masa Jepun dahulu, kita sendiri menconteng wang kertas Jepun, sebab dia tidak berharga. Jadi, dari segi perbandingan di antara wang Malaysia dengan wang Rupiah dan juga Peso yang mana yang paling banyak diconteng? Itu yang pertama. Yang kedua, apakah negara Malaysia, dari segi perbandingan, kalau dibandingkan dengan negara-negara lain yang paling banyak menconteng wang kertas ini; kalau-kalau jawapannya ya, apakah ini merupakan budaya masyarakat Malaysia yang suka buat macam itu? *(Ketawa)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, soalan pertama itu jauh sangat daripada pertanyaan asal. Yang Nombor 2, Yang Berhormat boleh menjawab. Kalau dibanding dengan negara-negara lain, banyaknya contengan wang kertas itu di negara kita dengan negara-negara lain, boleh jawab atau tidak?

**Tuan Loke Yuen Yau:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi saya tidak berapa pasti wang-wang negara jiran seperti apa yang dikatakan adalah wang yang banyaknya dicontengkan oleh rakyat mereka, dan perbuatan ini tidak mencerminkan bahawa nilai wang itu adalah rendah. Tetapi saya anggap bahawa rakyat Malaysia yang suka buat begitu bukanlah menunjukkan bahawa kebudayaan kita ini adalah rendah tetapi adalah sebahagian rakyat yang suka melakukan perbuatan yang jahat sahaja.

**Tuan Nurnikman bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah tindakan atau hukuman yang diambil oleh pihak Kerajaan kepada orang yang menconteng wang kertas ini dan setakat ini adakah pihak berkuasa pernah menangkap berkenaan dengan orang yang menconteng wang kertas ini?

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ini adalah sukar bagi Kerajaan untuk mengenalpasti siapa yang menconteng wang kertas itu atau menangkap, dengan izin, culprit yang berkenaan. Kementerian Kewangan atau Kerajaan bersetuju bahawa jikalau ada cara yang berkesan untuk menangkap siapa-siapa yang mencontengkan wang kertas, ini akan menjadi satu cara yang terbaik sekali. Tetapi walau bagaimanapun, tadi saya telah umumkan bahawa untuk mengelakkan perbuatan ini, Kementerian Kewangan atau Bank Negara Malaysia telah membuat keputusan mengenai wang-wang kertas yang diconteng dengan seriusnya. Maknanya "serius" ialah seperti mengubah potret Yang di-Pertuan Agong atau menulis cogan kata politik atau menambahkan nombor siri pada wang kertas. Itu adalah dianggap sebagai contengan

yang serius dan wang-wang kertas ini tidak akan diberi wang baru dengan nilai yang sama. Ini satu cara untuk mengelakkan perbuatan ini.

## PELAJARAN JAWI DI SEKOLAH

5. **Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah beliau sedar bahawa peruntukan masa bagi mata pelajaran Jawi di sekolah-sekolah rendah sekarang tidak mencukupi. Jika sedar, adakah Kerajaan akan bercadang:

- (i) menambahkan lagi masa pelajaran Jawi itu supaya matlamat Kerajaan dan hasrat rakyat tercapai;
- (ii) membuka kelas-kelas Khas atau kelas-kelas Tambahan Jawi di waktu-waktu petang atau hari minggu;
- (iii) mengadakan peraduan menulis Jawi; dan
- (iv) menggalakkan pengarang/penulis-penulis menulis buku Jawi bagi kegunaan murid-murid.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan mendapati peruntukan masa bagi pelajaran Jawi di sekolah-sekolah rendah pada masa kini adalah mencukupi kerana pelajaran tulisan Jawi diajarkan dalam mata pelajaran pendidikan Agama Islam.

Sekolah-sekolah boleh mengadakan kelas-kelas tambahan pelajaran Jawi sekiranya timbul keperluan dan boleh juga diadakan sebagai aktiviti Persatuan Agama Islam atau Persatuan Bahasa Malaysia dalam aktiviti luar ko-kurikulum.

Berhubung dengan peraduan menulis Jawi sekolah-sekolah boleh menjalankannya mengikut budi bicara pihak-pihak pentadbiran sekolah masing-masing. Kementerian Pendidikan sentiasa juga menggalakkan usaha untuk menggalakkan pengarang dan penulis-penulis untuk menulis buku-buku Jawi demi kepentingan rakyat dan negara.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu satu aktiviti itu mengikut keperluan dalam meningkatkan penggunaan bahasa Jawi dan terpulang kepada budibicara guru-guru besar, yang pada pandangan saya bahawa Kerajaan, khususnya Kementerian Pendidikan, tidak memberi keutamaan ataupun kepentingan yang bersungguh-sungguh dalam usaha kita hendak meningkatkan penggunaan bahasa Jawi. Yang kedua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju dengan cadangan supaya sekolah-sekolah dibekalkan dengan typewriter Jawi supaya ada waktu-waktu pihak pentadbir sekolah boleh membuat edaran siaran kepada pelajar-pelajar, kepada guru-guru dalam bahasa Jawi sekalik-sekala selain daripada bahasa Rumi sebagai satu galakan membiasakan pelajar-pelajar guru-guru dengan bahasa Jawi ini kerana bahasa Jawi ini adalah tonggak kepada budaya bangsa negara ini iaitu orang-orang Melayu khususnya dan umat Islam seluruhnya.

**Dr Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih atas cadangan Ahli Yang Berhormat yang kita boleh timbangkan. Dari segi pandangan yang telah dibuat oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah satu pandangan Ahli Yang Berhormat. Tetapi saya

ingin menafikan pandangan itu di sini, kerana usaha dalam Kementerian Pendidikan untuk membentuk atau memperteguhkan lagi asas dalam pendidikan Jawi dan juga pendidikan Agama Islam adalah secara teratur dan selaras dengan hasrat dan tujuan Kerajaan.

**Tuan Haji Hussein bin Haji Taib:** Tuan Yang di-Pertua soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, bagi menggalakkan orang ramai dan ibu bapa khususnya dapat memberikan bimbingan kepada anak-anak dalam masalah tulisan Jawi ini, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah kaedah baru tulisan Jawi yang baru diperkenalkan sekarang ini atau diiktiraf oleh Kementerian Pendidikan kerana kita tahu selama ini tulisan Jawi adalah mengikut kaedah Zaaba.

**Dr Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon notis untuk menjawab soalan ini.

**Tuan Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apa yang kita tahu selama ini tulisan Jawi hanya dapat dipelajari daripada petajaran agama iaitu daripada ustaz-ustaz dan ustazah-ustazah sahaja, dan bilangan ustaz dan ustazah ini terhad di tiap-tiap sekolah. Apakah langkah-langkah lain yang Kementerian mengambil kerana kebanyakan guru-guru selain daripada ustaz-ustaz dan ustazah-ustazah tidak boleh menulis dan membaca Jawi apabila dirujuk oleh murid-murid yang terdesak kepada rujukan ketika ustaz-ustaz dan ustazah-ustazah tidak ada di sekolah.

**Dr Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, masalah ini dalam pengetahuan Kementerian, belum pernah timbul.

## KERETAPI TERGELINCIR

**6. Tuan Ahmad bin Omar** minta Menteri Pengangkutan menyatakan kadar kekerapan kemalangan keretapi terbalik sepanjang tempoh 5 tahun yang lalu di negara ini dan apakah kemajuan yang telah dicapai dalam sistem pengangkutan keretapi ini dipandang dari segi usaha memperbaiki dan mempermodenkan sistem yang ada dan langkah untuk menswastakannya.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail):** Tuan Yang di-Pertua, dari Januari 1983 hingga September, 1988, jumlah kegelinciran tren yang berlaku ialah 365. Dua dari kegelinciran tersebut melibatkan tren penumpang terbalik.

Dalam usaha memperbaiki dan mempermodenkan sistem keretapi, lebih kurang 1,000 km landasan dari Padang Besar ke Slim River dan di antara Sungai Yu dan Tumpat di Pantai Timur telah dan sedang diperbaharui untuk diperkukuhkan. Semasa menjalankan kerja-kerja pembaharuan dan pengukuhan landasan, pihak KTM telah menggunakan alat-alat pemasangan serta rel yang lebih baik daripada alat-alat pemasangan yang digunakan sebelum ini dengan tujuan untuk meningkatkan tahap keselamatan, keselesaan serta kelajuan tren supaya mengurangkan waktu perjalanan. Langkah-langkah tersebut akan menjadikan perkhidmatan KTM dapat bersaing dengan lain-lain cara pengangkutan.

Pihak KTM telah membeli sebuah alat 'Ultrasonic Flaw Detector' seperti yang saya katakan kelmarin bagi menentukan bahawa rel-rel yang berada di sepanjang landasan adalah selamat untuk perjalanan tren-tren.

Kerajaan juga telah memperuntukkan sebanyak \$181 juta

untuk meneruskan kerja-kerja memperbaharui landasan di antara Paloh dan Singapura sejauh 134 km dan juga di antara Slim River dan Seremban sejauh 182 km.

Kerajaan telah juga memperolehi 10 set relbas khas untuk menampung keperluan perkhidmatan jarak dekat di antara beberapa bandar di Semenanjung Malaysia.

Beberapa langkah telah diambil oleh KTM sebagai persediaan untuk penswastaan. Langkah utama ialah penyusunan semula struktur organisasi KTM dengan lebih menekankan aspek pemasaran yang agresif. Langkah-langkah lain ialah mewujudkan perkhidmatan pengangkutan kontena "intermodal" dan juga mengkomputerkan sistem tempahan tiket.

**Tuan S. S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dengan kadar kemalangan yang telah disebutkan tadi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, ini bermakna lebih kurang 7 kemalangan berlaku setiap bulan dalam masa lima tahun kebelakangan ini. Saya ingin mendapat tahu daripada Timbalan Menteri berkenaan, adakah suatu Jabatan Maintenance yang penuh dengan kuasa untuk "maintain" tandasan keretapi yang ada di negara kita oleh kerana ada satu pengumuman yang telah diumumkan oleh pihak Kementerian yang mana dikatakan "railway tracks are in bad states of repairs".

Saya rasa ini adalah satu pengumuman yang telah dikeluarkan di dalam akhbar tempatan dan saya ingin mendapat tahu bagaimanakah satu keadaan seperti itu boleh berlaku. Adakah Jabatan Maintenance itu dengan penuh kuasa, dengan penuh budget dan penuh kakitangan untuk memaintainkan semua landasan yang ada di negara kita ini?

**Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah begitu meneliti apa yang berlaku di Kementerian dan juga di KTM.

Sebenarnya, dalam jawapan saya tadi, saya telah katakan usaha pembaharuan rel-rel dan trek-trek yang saya sebutkan dari Padang Besar sampai ke Singapura dan juga sampai ke Tumpat di sebelah Pantai Timur.

Peruntukan \$181 juta telah diberikan untuk menyelesaikan pembaharuan tracks ini sedang berjalan dan di samping itu Jabatan Kejuruteraan Raya di bawah KTM memang membuat kerja-kerjanya pada setiap hari, setiap hari ada pemeriksaan oleh satu kumpulan pekerja iaitu ada pegawai-pegawai dan pekerja-pekerjanya membuat pemeriksaan rel tetapi seperti yang saya telah jawabkan kelmarin oleh kerana kita belum lagi mempunyai Ultrasonic Flaw Detector itu, maka ada keretakan yang begitu halus yang tidak ada dalam Dewan agaknya Mungkin semasa saya menjawab kelmarin, Ahli Yang Berhormat itu tidak ada dalam Dewan agaknya dan beliau belum baca *Hansard* lagi maka tidak dapat tahu maklumat-maklumat ini.

**Dato Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat soalan tambahan. Saya percaya KTM telah menunjukkan sikap yang begitu baik, terutama sekali dalam pengangkutan penumpang, tetapi selalu kita mendengar KTM akan memperbaiki dan mempertingkatkan prestasi penyeliaan landasan. Beberapa bulan setelah perisytiharan ini dibuat, kita dengar berlaku juga kegelinciran dan sebagainya. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyatakan bahawa peruntukan telah diberi sebanyak \$181 juta. Adakah pada

ketika perisytiharan dibuat bahawa kenaikan taraf, penyeliaan dan sebagainya akan dibuat, tetapi kegelinciran masih berlaku pada ketika itu duit masih belum ada dan dengan perisytiharan yang telah dibuat dalam Dewan ini tadi duit sudah ada dan dapatkah kita memberi keyakinan kepada rakyat bahawa pada masa hadapan kemalangan itu tidak akan berlaku lagi.

Soalan yang kedua, adakah pihak KTM berpendapat bahawa dengan mengadakan satu sistem penyeliaan dengan menggunakan teknologi modern iaitu Ultrasonic Flaw Detector ini, maka barulah KTM ini hendak membuat keputusan hendak menggantikan rel, landasan dan sebagainya. Kalaulah sekiranya kita katakan bahan-bahan atau apparatus itu juga akan menghadapi satu kegagalan dan kemalangan terus berlaku, apakah pendekatan yang lain yang akan dibuat oleh KTM supaya kemalangan itu hasil ataupun bersabit dengan defect yang berlaku pada rel itu tidak akan berlaku lagi pada masa yang akan datang. Adakah KTM akan mengambil sikap "life-span" umpamanya 50 tahun kita menggunakan rel itu kita tidak akan menggunakannya lagi?

**Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, ternyata Ahli Yang Berhormat pun kurang faham atau kurang mendengar agaknya jawapan saya tadi iaitu 1,000 km sudah dan sedang diperbaharui dan kerja mengawasi keretakan hari-hari dilaksanakan dari satu-satu stesyen keretapi ada kumpulan-kumpulan kerja yang memeriksa rel-rel di bawah kawalan mereka, tetapi oleh kerana peruntukan-peruntukan yang kita dapat hanya pada tahun ini, baru boleh kita beli Ultrasonic Flaw Detector tadi, maka ianya terpaksa ditenderkan dan pada tahun 1989 bulan April baru dapat dibekalkan.

Maka kalau ada perkara-perkara keretakan yang begitu halus sekali yang tak nampak oleh mata kasar, itu mungkinlah itu salah satu daripada sebab kemalangan.

Selain daripada itu, sebab-sebab kegelinciran ini bukan kerana rel patah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, manusia pun pernah menyebabkan juga, ada yang menyeberang landasan. Ahli-ahli Yang Berhormat perlulah menasihatkan pengundi-pengundi di kawasan masing-masing kerana ada gate, kadang-kadang itu dibuka juga, dilanggar juga gate itu. Sebab saya sendiri pernah memberi jawapan sebab-sebab kegelinciran berlaku sehingga lembu kerbau pun ada menyebabkan kegelinciran keretapi. Jadi, kalau lembu-kerbau dilepaskan dan dibiarkan menyeberang rel-rel keretapi maka tak dapatlah kita hendak mengawal lembu-kerbau yang tuan-tuannya lepaskan itu. Jadi itu salah satu daripada sebabnya dan ini perkara benar, bukan perkara main-main. Dan kalau Ahli Yang Berhormat merasakan bahawa pihak KTM atau Kementerian cuai, maka saya menafikan sama sekali kerana kerja-kerja pembaikan itu dijalankan dengan begitu rapi dan saya harap selepas jawapan ini, jelaslah kepada semua pihak.

**PERBADANAN KEMAJUAN  
EKONOMI NEGERI YANG  
MENGALAMI KERUGIAN**

**7. Tuan Chew Kam Hoy** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) senarai semua Perbadanan Pembangunan Negeri yang mengalami kerugian serta jumlah kerugian sejak tahun 1986 sehingga hari ini; dan
- (b) adakah Kementerian beliau akan mengambil langkah menutup perbadanan tersebut.

**Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pada tahun 1986, Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN-PKEN) yang mengalami kerugian adalah:

Negeri Sembilan ..	\$1.18 juta
Terengganu.. ..	\$0.6 juta
Sarawak .. ..	\$8.32 juta
Sabah .. .. .	\$4.69 juta

Pada tahun 1987 pula PKEN-PKEN yang mengalami kerugian adalah:

Perlis .. .. .	\$0.58 juta
Negeri Sembilan ..	\$1.59 juta
Melaka .. .. .	\$2.7 juta
Sabah.. .. .	\$11.82 juta
Sarawak .. .. .	\$0.89 juta

Pada keseluruhannya prestasi kewangan PKEN-PKEN pada tahun 1986 dan 1987 adalah baik. Pada tahun 1986, 9 dari 13 PKEN telah memperolehi keuntungan, berjumlah \$129.56 juta manakala hanya 4 sahaja yang rugi dengan kerugian berjumlah hanya \$14.79 juta. Pada tahun 1987 pula 8 daripada 13 PKEN telah memperolehi keuntungan, berjumlah \$218.7 juta, manakala 5 mengalami kerugian, berjumlah \$17.58 juta.

Walau bagaimanapun perlu diingat bahawa pencapaian dan prestasi PKEN-PKEN tidak seharusnya diukur dari segi prestasi kewangan semata-mata. Selain dari projek-projek komersial, sebagai agensi-agensi pembangunan yang utama di peringkat negeri masing-masing, PKEN-PKEN telah juga memberi sumbangan kepada pembangunan ekonomi

dan sosial selaras dengan dasar-dasar Kerajaan terutamanya Dasar Ekonomi Baru melalui program seperti pembangunan kawasan perindustrian, ruang niaga, perumahan, pembangunan semula bandar dan perladangan.

Apabila sumbangan-sumbangan ini diambil kira prestasi PKEN-PKEN adalah jauh lebih bermakna dari hanya dilihat dari prestasi kewangan sahaja.

- (b) Kementerian Perusahaan Awam tidak sekali-kali bercadang untuk menutup PKEN-PKEN yang telah mengalami kerugian.

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, saya menerima baik kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa ada PKEN-PKEN yang mencatatkan keuntungan. Walau bagaimanapun kerugian pada amnya masih serius. Oleh yang demikian, saya hendak bertanya sama ada Kementerian serta PKEN-PKEN akan mengambil tindakan yang tegas dan segera untuk menutup anak-anak syarikat yang rugi teruk tahun demi tahun.

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:** Tuan Yang di-Pertua, semamangnya PKEN telah pun mengambil tindakan-tindakan untuk mengkaji dari masa ke semasa masalah anak-anak syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka maklumkan bahawa soal anak syarikat PKEN ini tidak terbangkit, tetapi saya jawab jugalah. (*Ketawa*)

**Dato' Haji Mohammad Abu Bakar Rautin bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebentar tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyebutkan bahawa daripada 13 PKEN-PKEN di dalam negara kita ini 9 telah pun mendapat keuntungan besar pada tahun 1986.

Pada tahun 1987, 8 telah mendapat keuntungan yang besar.

Saya ditahamkan, Tuan Yang di-Pertua, boleh dikatakan kesemua PKEN-PKEN ini telah pun mendapat modal masing-masing daripada pinjaman Kerajaan Persekutuan. Jadi saya ingin tahu apakah prestasi bayaran balik daripada PKEN-PKEN yang telah pun mendapat keuntungan besar ini kepada Kerajaan Persekutuan untuk menambahkan lagi khazanah Kerajaan Persekutuan dan apakah pula tindakan-tindakan yang diambil terhadap PKEN-PKEN yang rugi sama ada tindakan untuk dijadual semula bayaran balik ataupun memansuhkan hutang-hutang tersebut kepada Kerajaan Persekutuan.

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:** Tuan Yang di-Pertua, Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri yang telah membuat keuntungan telah pun membayar balik sebahagian daripada pinjaman-pinjaman melalui Kerajaan Negeri dan Kerajaan Negeri pula telah membayar balik kepada Kerajaan Pusat.

Mengenai PKEN-PKEN yang rugi, kita tidak bercadang untuk menutup bahkan mendesak dan menyarankan supaya mereka membuat kajian-kajian yang boleh memulihkan keadaan perbadanan masing-masing dan kita dapati dalam kajian-kajian yang dibuat peningkatan nampaknya ada. Misalnya katau dibandingkan dengan SEDC Sarawak yang rugi sebanyak \$8.3 juta dalam tahun 1986 tetapi telah dapat mengurangkan kepada hanya \$890,000 sahaja. Dan begitu juga dengan PKEN Perlis yang telah dapat memulihkan keadaan dan oleh sebab itu kita percaya mereka semuanya sedang mencari jalan untuk meningkatkan perbadanan-perbadanan masing-masing.

Dari segi sama ada kita mahu menjadualkan semula bayaran balik ini memang telah pun dicadangkan kepada pihak Kerajaan Pusat dan sedang dalam pertimbangan dan pihak perbadanan 'tidak bercadang untuk meminta supaya dihapus kira pinjaman-pinjaman tersebut kerana mereka mempunyai maruah masing-masing.

### DEPOSIT TELEFON

**8. Tuan Hsing Yin Shean** minta Menteri. Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada beliau sedar bahawa orang ramai sangat marah akan sikap Syarikat Telekom Malaysia kerana menaikkan kadar deposit telefon. Memandangkan keadaan ekonomi, adakah beliau akan menasihatkan STM untuk memberhentikan tindakan mereka supaya ianya tidak melanggar polisi penswastaaan dan sebaliknya mengadakan khidmat yang cekap dengan harga berpatutan. Jika tidak, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian beliau untuk mengatasi sistem yang tidak adil ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Ong Tin Kim):** Tuan Yang di-Pertua, soal bayaran deposit tambahan bukanlah satu perkara baru dan sistem ini telah pun diamalkan sebelum perkhidmatan telekomunikasi diswastakan.

Tuan Yang di-Pertua, bayaran deposit tambahan hanya dikenakan ke atas pelanggan-pelanggan yang mempunyai bil telefon bulanan yang jauh melebihi cagaran asal bagi mengurangkan risiko kehilangan hasil sekiranya pelanggan berkenaan gagal menjelaskan bilnya di samping menjamin keselamatan alat-alat telefon yang dibekalkan. Sistem ini

memang telah pun diamalkan di mana sebelum perkhidmatan telefon diswastakan.

Walaupun demikian STM ada juga mengecualikan bayaran tambahan ke atas pelanggan-pelanggan yang:

- (a) sentiasa menjelaskan bil dalam tempoh yang ditetapkan, dan;
- (b) bagi mereka yang memper-tikaikan bil mereka.

Tuan Yang di-Pertua, wang cagaran bukanlah satu hasil kepada STM. Ia dikira sebagai tanggungan yang perlu dikembalikan apabila sesuatu perkhidmatan telefon diberhentikan, setelah ditolak segala tunggakan yang ada.

**Tuan Haji Mohamad bin Abdullah:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, Saya harap soalan saya ini masuk.

Adakah Syarikat Telekom Malaysia (STM) hanya mengutamakan pemasangan telefon di bandar-bandar dan bagi pengusaha-pengusaha sahaja. Kalau tidak, mengapakah STM kurang memberi perhatian kepada pengguna-pengguna di luar bandar dan di rancangan-rancangan FELDA. Adakah STM mempunyai peruntukan khusus bagi membekal perkhidmatan telefon awam kepada penduduk-penduduk luar bandar dan di rancangan-rancangan FELDA.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya rasa tidak masuk soalan itu. (*Ketawa*)

### HOSPITAL DAERAH LAWAS— WAD PESAKIT

**9. Tuan Mutang Tagal** Minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa wad-wad di Hospital Daerah, Lawas, Sarawak selalunya penuh dengan pesakit-pesakit pada tiap-tiap hari. Ini

disebabkan kekurangan tempat tidur dan ruangan terhad di hospital tersebut. Jika sedar apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian supaya Hospital Daerah ini diperbesarkan untuk menampung pesakit-pesakit yang kian bertambah. Jika tidak, mengapa; dan

- (b) sama ada Kementerian bercadang supaya doktor pakar seperti pembedahan, gynaecologist dan sebagainya ditempatkan di Hospital Limbang memandangkan keperluan yang mendesak di Hospital ini. Jika tidak, mengapa.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Dr Ting Chew Peh);** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan memang sedar bahawa wad-wad di Hospital Daerah, Lawas selalu penuh dengan pesakit-pesakit. Salah satu daripada sebab-sebab perkara ini terjadi ialah pihak berkuasa hospital ini memasukkan bukan sahaja pesakit tetapi juga keluarga yang rapat dengan pesakit.

Untuk mengatasi masalah ini sebagai langkah jangka pendek, pihak berkuasa hospital telah diarah supaya, setakat yang boleh dibuat, tidak memasukkan keluarga-keluarga pesakit ke wad-wad.

Sebagai langkah jangka panjang untuk mengatasi masalah ini, Kementerian Kesihatan akan mencadangkan untuk membesarkan hospital ini daripada 38 katil yang sedia ada sekarang kepada 75 katil dalam Rancangan Malaysia Keenam.

- (b) Pada masa ini Kementerian Kesihatan tidak bercadang untuk menempatkan doktor-doktor pakar di Hospital Limbang. Ini disebabkan bahawa semua doktor yang

berkhidmat di hospital ini adalah doktor yang berpengalaman dan telah menerima latihan dari doktor pakar. Kementerian juga telah membuat peraturan supaya pakar-pakar perubatan, bedah serta perbidanan dan sakitpuan dari Hospital Miri, melawat hospital ini sekurang-kurangnya 3 bulan sekali untuk mengawasi keadaan di sana dan memberi nasihat yang diperlukan. Kes-kes yang memerlukan rawatan kepakaran dengan segera adalah diterbangkan dengan helikopter ke Hospital Miri.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis;** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, tadi diperkatakan bahawa 75 katil akan disediakan sebagai tambahan kepada Hospital Lawas ini. Sebelum itu Yang Berhormat telah memperkatakan bahawa kita tidak menggalakkan keluarga daripada pesakit untuk tidur. Jadi adakah dengan menambah katil ini di masa akan datang mereka ini digalakan untuk tidur bersama pesakit. (*Ketawa*)

Keduanya, secara umum saya dapati bahawa apabila saya melawat Hospital Besar Kuala Lumpur, didapati bahawa orang yang datang dari tempat yang jauh seperti Sarawak dan Sabah bersama-sama dengan pesakit terpaksa tidur di kawasan hospital, dekat bilik, di celah-celah bilik ataupun di bawah katil dan sebagainya. Adakah langkah tertentu diambil oleh Kementerian untuk menentukan supaya mereka ini diberikan tempat yang sesuai supaya kawasan hospital itu tidak nampak begitu remeh dengan kehadiran mereka ini.

**Tuan Ting Chew Peh;** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya rancangan Kerajaan untuk menambahkan bilangan katil daripada 38 kepada 75

ialah untuk menyelesaikan masalah kesesakan dalam hospital. Ini tidak bererti bahawa hospital akan menggalakkan keluarga pesakit dimasukkan ke dalam hospital, tidak.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan ahli-ahli keluarga yang pergi ke hospital yang dimasukkan ke wad itu adalah dibuat di atas pertimbangan peri kemanusiaan. Bukan semua ketogari itu boleh masuk. Cuma misalnya, kalau anak itu sakit, ibu-ibu itu kadangkala dibenarkan untuk menjaga anaknya.

Untuk menjawab bahagian kedua, setakat ini sebenarnya masalah ini masih belum rumit untuk diambil tindakan oleh pihak Kementerian Kesihatan.

### MAS JUALAN SAHAM KERAJAAN

**10. Dr Abdul Hadi bin Derani** minta Menteri Kewangan menyatakan manfaat yang akan diperolehi oleh Kerajaan dan pihak Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) di atas jualan saham Kerajaan di dalam syarikat tersebut kepada Bank Negara.

17-10-88

**9. Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Osman** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah sebabnya Bank Negara membeli sebahagian besar dari saham Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS).

2-11-88

**29. Tuan Law Lai Heng** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) selain daripada Bank Negara yang akan membeli kepentingan Kerajaan sebanyak 42 peratus dalam Penerbangan Malaysia (MAS) adakah pihak lain yang

telah menunjukkan minat untuk membeli saham-saham berkenaan;

- (b) apakah harga saham yang telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak; dan
- (c) adakah harga itu munasabah memandangkan harga MAS pernah mencatatkan harga yang sungguh tinggi;

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Loke Yuen Yow):** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana pertanyaan mengenal isu yang sama juga dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Shah Alam dan Pontian (masing-masing dijadual untuk dijawab pada 17hb Oktober, 1988 dan 2hb November, 1988), saya mohon menjawab ketiga-tiga pertanyaan berkenaan secara serentak.

Seperti yang diumumkan dalam Ucapan Belanjawan Tahun 1988, tujuan utama Kerajaan menjual kesemua sahamnya dalam Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) kepada Bank Negara Malaysia ialah untuk menambahkan hasil bagi memperbaiki kedudukan akaun semasa belanjawannya. Di samping itu, hasil daripada penjualan saham ini digunakan untuk pembayaran balik awal, dengan izin, prepayment pinjaman-pinjaman luar negara yang dikenakan bayaran faedah yang tinggi. Oleh itu, isu penjualan kepada pihak-pihak lain tidak berbangkit.

Tuan Yang di-Pertua, harga yang dipersetujui, iaitu \$5.85 sesaham adalah munasabah dan berpatutan kerana ianya berasaskan harga pasaran semasa keputusan penjualan dibuat.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah terdapat niat dalam Kerajaan dengan penjualan saham MAS kepada

Bank Negara ini pada satu ketika nanti Kerajaan akan membeli semula?

Soalan kedua, kenapakah Kerajaan tidak mengambil sikap untuk menjual saham yang dipunyai oleh Kerajaan di dalam MAS ini kepada Perbadanan Nasional Berhad?

Ketiga, adakah Kerajaan memikirkan bahawa Perbadanan Nasional Berhad ini bukan satu badan yang boleh menolong Kerajaan dan rakyat negeri ini dengan itu tidak diberi peluang untuk membeli saham MAS, sedangkan pada satu ketika dahulu PNB disuruh membeli saham UMW.

**Tuan Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan tambahan yang pertama, saya tidak berapa pasti bahawa pada masa ini tidaklah saya boleh mengatakan bahawa mungkin atau tidak Kerajaan membeli balik saham yang telah dijual kepada Bank Negara sekarang.

Untuk bahagian kedua dan ketiga, sebenarnya Permodalan Nasional Berhad pada hari ini telah memiliki sebanyak 8% saham di dalam MAS.

#### GURU BAHASA INGGERIS DARI ENGLAND

**11. Tuan Thomas Salang Siden** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) berapa ramaiakah guru Bahasa English (Inggeris) yang diimport daripada England mengajar di sekolah-sekolah menengah di Malaysia; dan
- (b) adakah mereka itu ditempatkan bertugas di sekolah-sekolah menengah luar bandar, dan sejauh manakah taraf pencapaian dan penguasaan mata pelajaran itu di sekolah-sekolah yang terlibat.

**Dr Leo Micheal Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada ketika ini Kementerian Pendidikan tidak mengimport guru-guru Bahasa Inggeris dari luar negeri untuk mengajar di sekolah-sekolah menengah di Malaysia.

#### BANK SOUTH EAST LTD. DI MAURITIUS—PENUBUHAN

**12. Tuan Haji Ibrahim bin Ali** minta Menteri Kewangan menjelaskan mengenai penubuhan Bank South East Asia Ltd. di Mauritius akan butir-butir berikut:

- (a) kenapa Kerajaan tidak memohon untuk menubuhkan cawangan Bank Bumiputra tetapi membenarkan Bank Bumiputra memegang 20% saham dalam Bank tersebut;
- (b) atas nama siapakah lesen Bank tersebut, senarai ahli-ahli Lembaga Pengarah dan Pengurusan tertinggi; dan
- (c) senarai lengkap pemegang-pemegang saham, selain dari Bank Bumiputra

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin):** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana pertanyaan mengenai perkara ini telahpun dijawab 10hb Oktober, 1988 iaitu ketika menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Puchong, saya tidak bercadang mengulangi jawapannya.

**Dr V. David:** Saya anggap itu bukan jawapan yang betul. Tolonglah Yang Berhormat memberi keterangan iaitu 20% saham di tangan Bank Bumiputra, 80% siapa yang memegangnya? Beri sedikit keterangan supaya kita boleh faham bagaimana wang kita telah dibelanjakan. (*Tepuk*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat hendak jawab?

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Saya sudahpun menjawab tadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua. . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa.

**Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa:** Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 13.

#### PELAWAT ASING—TEMPOH PAS LAWATAN

**13. Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

(a) dalam operasi mengenalpasti rakyat asing di negara kita, didapati lebih daripada 40 ribu yang telah tamat tempoh visa tinggal di Malaysia masih berada di Malaysia; dari jumlah 40 ribu lebih itu berapakah sudah dikesan dan diambil tindakan undang-undang dan adakah mereka itu dihantar pulang, jika didenda berapakah kutipan denda itu; dan

(b) selain dari itu ada juga rakyat Malaysia sendiri yang menyembunyikan rakyat-rakyat asing ini, khasnya wanita untuk kepentingan mereka misalnya dibawa ke Pusat-pusat perjudian untuk menjadi umpanan dan pertaruhan perjudian; apakah tindakan Kerajaan terhadap warganegara Malaysia yang menggunakan wanita-wanita asing untuk tujuan yang akan menimbulkan implikasi yang tidak sihat terhadap sosio ekonomi kita dan keselamatan negara.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua,

(a) Kementerian Dalam Negeri menerusi Jabatan Imigresen dan Polis sentiasa menjalankan operasi dari masa ke semasa di tempat-tempat tertentu di mana pelawat-pelawat asing dipercayai berada setelah tempoh pas lawatan tamat serta didapati tinggal lebih masa atau telah melanggar syarat-syarat pas lawatan yang telah ditetapkan. Mereka akan ditangkap dan didakwa di mahkamah. Setelah tindakan mahkamah diambil, warganegara asing ini akan dihantar pulang ke negara asal mereka.

Bilangan warganegara asing yang telah ditangkap kerana tinggal lebih masa di Malaysia sejak tahun 1982 hingga bulan Jun, 1988 ialah seramai 5,858 orang. Jumlah denda yang dikutip daripada warganegara asing yang telah didakwa atas kesalahan undang-undang Imigresen adalah seperti berikut:

Tahun 1985	\$455,565.58
Tahun 1986	\$727,502.39
Tahun 1987	\$373,241.54
Tahun 1988	\$174,615.34
	(Setakat ini)

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah keseluruhan denda yang telah dikenakan kepada warganegara asing yang telah didakwa di mahkamah kebanyakannya adalah bersabit di atas kesalahan di bawah seksyen 15 (1) iaitu tinggal lebih masa dan seksyen 6 (1) iaitu masuk tanpa pas atau permit.

(b) Seorang warganegara Malaysia yang memberi perlindungan kepada warganegara asing yang

masuk atau tinggal tanpa kebenaran adalah metakukan kesalahan di bawah seksyen 56 (1) (d) Akta Imigresen 1959/63. Mereka boleh didakwa di mahkamah dan jika sabit kesalahan boleh didenda sebanyak tidak lebih \$2,000 atau 6 bulan penjara atau kedua-duanya sekali.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini negara asal mereka yang telah diambil tindakan dan dihantar balik ke negara masing-masing.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut banciaan tahun 1987 sebanyak 34 negeri tetapi yang paling tinggi sekali ialah India 243 orang, Thailand 165 orang, Indonesia 162 orang, yang lain itu merupakan antara 50 ke 100 orang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Ghazali bin Ahmad.

*(Soalan No. 14 Y.B. Tuan Ghazali bin Ahmad tidak hadir)*

#### SABAH GAS INDUSTRIES DAN SABAH POREST INDUSTRIES—PEMULANGAN MODAL

**15. Tuan Abdol Mulok Awang Damit** minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah kadar pemulangan modal (internal rate of return) projek Sabah Gas Industries dan Sabah Forest Industries. Sebanyak manakah sumbangannya kepada sektor ekonomi perindustrian dan ekonomi negara.

**Tuan Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut kajian kemungkinan yang telah disediakan oleh pakar-pakar, kadar pemulangan modal atau, dengan izin, "internal rate

of return" bagi projek Sabah Gas dan Sabah Forest Industries ialah masing-masing sebanyak 16% dan 20%. Walau bagaimanapun, oleh kerana projek-projek ini mempunyai, dengan izin, "gestation period" yang lama pada tahun-tahun awalan, operasi projek Sabah Gas dan Sabah Forest telah mengalami kerugian. Beberapa langkah-langkah sedang diambil supaya projek-projek ini dapat memperolehi keuntungan dalam tempoh tiga atau empat tahun lagi.

Prospek untuk memperbaiki prestasi adalah cerah jika harga-harga di pasaran dunia bagi pengeluaran projek-projek ini dapat dikekalkan pada paras yang diperolehi semasa ini.

Tuan Yang di-Pertua, antara sumbangan-sumbangan yang dapat diberikan oleh kedua-dua projek ini ialah:

- (i) mempergiatkan pembangunan industri berat dalam negara ini;
- (ii) eksport pengeluaran-pengeluaran projek-projek ini telah meningkatkan pendapatan pertukaran luar;
- (iii) membantu mempelbagaikan kegiatan-kegiatan ekonomi;
- (iv) memberi sumbangan untuk membangunkan pelbagai industri-industri sampingan;
- (v) mengujudkan peluang pekerjaan secara langsung dan secara tidak langsung; dan
- (vi) memberi tambahan nilai, dengan izin, "value-added" kepada sumber-sumber negara, khususnya sumber-sumber perhutanan dan gas asli.

**Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar Sabah Gas

akan diswastakan dan akan diserahkan kepada individu yang tertentu yang telah pun dipilih?

**Tuan Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, ini bukan benar dan saya tidak dengar khabar ini, saya hanya dengar hari ini sahaja.

**Tuan Abdol Mulok Awang Damit:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Seperti yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi "internal rate of return", dengan izin, sebanyak 16% adakah ini merupakan "internal rate of return" yang sebenar pada hari ini. Saya telah difahamkan kedua-dua industri ini mengalami kerugian atau itu cuma ramalan sahaja.

**Tuan Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, tadi saya telah terangkan bahawa mengikut kajian kemungkinan kedua-dua projek ini "internal rate of return" adalah sebanyak 16% dan 20% masing-masing, tetapi oleh kerana kedua-dua projek ini mempunyai, dengan izin, "gestation period" yang lama, jadi pada tempoh awalan mungkinlah mengalami kerugian sedikit. Tetapi dengan prospek pasaran pada hari ini kedua-dua projek ini akan pulih dan mendapat keuntungan.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:**  
(*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa pertanyaan sudah cukup.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Saya ingin mendapat penjelasan daripada Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyatakan rasa kesal saya sebab soalan saya No. 12 tidak dijawab oleh Timbalan Menteri Kewangan yang dikatakan dijawab pada IOhb adalah berbeza dengan soalan sebenar saya, sebab pada IOhb soalan itu No. 21 di mana soalan itu tidakpun dijawab dan

manakala soalan saya pada hari ini berbeza di mana bahagian (a) tidak dijawabkan dengan sepenuhnya. Oleh itu, saya ingin menyatakan protes dan kesal saya mengenai dengan soalan tersebut yang tidak dijawab.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa soalan sudah habis.

(*Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 3, 14 dan 16 hingga 21 adalah diberi di bawah ini.*)

### BAHASA BAKU DI RTM 1 DAN 2

**3. Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman** minta Menteri Penerangan menyatakan kenapa pembaca-pembaca berita di rangkaian 1 dan 2 TV Malaysia tidak menggunakan bahasa baku dalam penyampaian berita atau wakil-wakil lain seperti yang terdapat di TV3.

**Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Railey bin Jaffrey);** Adalah tidak benar kenyataan yang Berhormat bahawa RTM, baik radio dan TV tidak menggunakan bahasa baku. Saya mohon maklumkan kepada Yang Berhormat bahawa penggunaan istilah-istilah baku sudah pun mula digunakan oleh RTM sepenuhnya. Namun begitu penggunaan sebutan baku yang berasaskan kepada sebutan fonemika belum lagi digunakan seluruhnya kecuali kepada istilah-istilah yang sudah dibakukan, namun begitu RTM sekarang sedang melatih kakitangannya mengenai sebutan baku agar mereka dapat memahirkan diri mereka dahulu sebelum digunakan sepenuhnya melalui radio dan TV, latihan-latihan mengenai ini sedang berjalan dengan lancar sekarang.

Perlu diingat bahawa sebutan fonemika ini telah diasaskan pada tahun 1956 dahulu. Namun

begitu pengajarannya di sekolah-sekolah hanya dimulakan dalam tahun 1988 ini. Menimbangkan bahawa penggunaan sebutan baku masih sangat baru dan belum lagi tersebar luas, RTM merasakan perlu agar latihan bagi pegawai dan kakitangannya serta kebiasaan sebutannya dapat diasaskan dahulu dengan sempurna dan dilaksanakan sedikit demi sedikit, agar perlaksanaannya tidak menghadapi masalah dan tidak kedengaran terlalu janggal, serta tidak akan menjejaskan pemahaman bahasa yang lebih baik oleh masyarakat yang mengikuti siaran-siaran RTM.

Saya percaya apabila penggunaannya dalam masyarakat telah meluas maka penggunaan istilah dan sebutan baku ini akan ditingkatkan oleh RTM dari semasa ke semasa sesuai dengan perkembangan penggunaannya dalam masyarakat.

#### PAKAR ASING—BANTUAN

**4. Tuan Haji Ghazali bin Ahmad** minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan masih memerlukan bantuan pakar asing jika telah ternyata bahawa kepakaran tempatan telah ada dan setanding dengan kepakaran luar negeri. Jika tidak perlu, adakah Kerajaan telah siasat bahawa kita mempunyai kepakaran yang tinggi tapi tidak digunakan sepenuhnya dalam bidang-bidang tertentu.

**Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Memang tidak dinafikan bahawa negara kita mempunyai kepakaran tempatan yang setanding dengan kepakaran luar negeri tetapi kepakaran ini adalah terhad dan tertumpu kepada sektor pertanian khususnya di dalam bidang tanaman dan pengeluaran getah dan kelapa sawit. Bagi bidang-bidang tersebut dan bidang-bidang lain di mana kita

mempunyai kepakaran tempatan Kerajaan tidak memohon bantuan pakar asing. Sementara itu di bidang-bidang seperti sains dan teknologi, industri, pemasaran dan pengurusan, negara kita masih tidak mempunyai kepakaran tempatan di bidang-bidang tersebut atau masih berkurangan atau tidak setanding dengan kepakaran-kepakaran antarabangsa. Maka Kerajaan perlulah mendapatkan bantuan pakar asing untuk menampung keperluan tersebut. Bantuan teknik ini adalah ditumpukan kepada usaha pemindahan teknologi bagi meningkatkan keupayaan tempatan untuk membantu negara proses pembangunan.

#### PASAR BARU DI TAMAN SELAMAT, BUKIT MERTAJAM

**16. Tuan Chian Heng Kai** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan sama ada pihaknya ada menerima sebarang permohonan untuk mendapat peruntukan bagi membina sebuah pasar baru di Taman Setamat, Bukit Mertajam, S.P.T. Jika ya, nyatakan bilakah permohonan itu dibuat dan hasil permohonan tersebut.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' S. Subramaniam):** Dari semakan yang dibuat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan belum lagi menerima sebarang permohonan untuk mendapatkan peruntukan bagi membina sebuah pasar baru di Taman Selamat, Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah. Kementerian ini juga mendapati bahawa projek berkenaan tidak termasuk di dalam senarai projek-projek pembangunan di Kawasan Penguasa-penguasa Tempatan yang diluluskan di dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima (1986-1990). Walau bagaimanapun, jika difikirkan projek berkenaan adalah mustahak demi kepentingan

penduduk-penduduk di kawasan tersebut, permohonan bolehlah dikemukakan untuk dipertimbangkan.

Walau bagaimanapun, sukacita saya memaklumkan beberapa projek yang diluluskan kepada Majlis Perbandaran Seberang Perai di dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima (1986-1990) seperti berikut:

<i>Nama Projek</i>	<i>Peruntukan RML Diluluskan</i>
2.1 Membina Kompleks Penjaja di Stesyen Keretapi Butterworth, Seberang Perai Utara	\$150,000.00
2.2 Pembinaan Parit konkrit dalam kawasan Majlis	\$200,000.00
2.3 Projek pengmdahan dalam kawasan Majlis	\$30,000.00

Sehingga ini, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengeluarkan peruntukan sebanyak \$164,000.00 bagi projek *Kompleks Penjaja di Stesyen Keretapi Butterworth* dan pembinaan projek tersebut telah pun siap.

#### **KELUARAN DALAM NEGERI KASAR PERTUMBUHAN**

**17. Tuan Nurnikman bin Abdulah** minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah jumlah pencapaian Kerajaan dalam "Keluaran Negara Kasar" atau Gross National Product bagi 9 bulan pertama tahun ini, jika dibandingkan dengan tempoh yang sama tahun lalu. Adakah pula pencapaian ini setimpal dengan Belanjawan Negara bagi tahun ini.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Berdasarkan maklumat yang ada sekarang Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) bagi separuh pertama tahun 1988 telah meningkat sebanyak 9 peratus berbanding dengan 3 peratus bagi tempoh yang sama dalam tahun 1987. Berdasarkan maklumat yang

sama pertumbuhan tahunan KDNK bagi tahun 1988 adalah diramalkan jumlah melebihi paras 5.2 peratus yang dicapai pada tahun 1987.

Saya akan membentangkan gambaran sepenuhnya berkenaan perkembangan ekonomi negara kita di dalam Laporan Ekonomi 1988/89 di dalam Ucapan Belanjawan saya beberapa hari lagi.

Di dalam menyediakan belanjawan Kerajaan memang mengambil pertimbangan akan keadaan ekonomi negara. Oleh itu belanjawan adalah disediakan selaras dengan kadar pertumbuhan KDNK.

#### **DASAR EKONOMI BARU— PENCAPAIAN OBJEKTIF**

**18. Dr Eng Seng Chai** minta Perdana Menteri menyatakan kelemahan dan sebab utamanya Dasar Ekonomi Baru tidak akan mencapai objektif-objektif menghapuskan kemiskinan dan berseimbangkan kepentingan-kepentingan perkauman pada tahun 1990. Apakah "falsafah asas" (basic philosophy) dasar ekonomi baru selepas tahun 1990 yang dirancangkan. Bukankah pilihan sistem ekonomi "free enterprise" daripada pilihan sistem ekonomi terkawal "controlled economic system" lebih sesuai untuk menggalakkan pelaburan tempatan dan asing, dan untuk mempercepatkan perkembangan ekonomi Malaysia.

**Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Pertanyaan Y.B. telah pun dijawab bersama-sama dengan soalan yang dikemukakan oleh Y.B. Tuan Lee Lam Thye pada 10-10-1988 yang lalu oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri. Oleh itu tiada sebarang jawapan tambahan yang akan dibuat bagi soalan tersebut.

(Soalan No. 29. Sila lihat jawapan No. 5 pada 12-10-88).

**HICOM—SYARIKAT  
SUBSIDIARY YANG RUGI**

**20. Tuan Gerard Math Lee Min** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (i) senarai semua syarikat-syarikat subsidiari di bawah Heavy Industries Corporation of Malaysia (HICOM);
- (ii) di antara syarikat-syarikat subsidiari ini, yang manakah di antara syarikat tersebut mendapat keuntungan dan mengalami kerugian;
- (iii) apakah faktor yang menyebabkan kerugian

dialami oleh syarikat-syarikat subsidiari ini; dan

- (iv) apakah langkah-langkah yang diambil untuk menentukan syarikat-syarikat subsidiari ini mendapat keuntungan dan menentukan rancangan pehdustnan itu akan berjaya.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulalman):** Sehingga 31-3-1988, HICOM mempunyai 9 buah syarikat subsidiari. Senarai nama-nama syarikat tersebut adalah seperti berikut:

<i>Nama Syarikat</i>	<i>Aktiviti-aktiviti</i>	<i>Status</i>
1. Perusahaan Otomobil Nasional Sdn. Bhd.	Pengeluaran, pasangsiap dan jualan kenderaan bermotor dan aksesori.	aktif
2. Perwaja Terengganu Sdn. Bhd.	Mengeluar dan menjual "hot briquetted iron" dan bilet.	aktif
3. HICOM Diecastings Sdn. Bhd.	Mengeluar dan membekalkan alat-alat acuan.	belum beroperasi
4. Taman Perusahaan Berat Sdn. Bhd.	Pembangunan hartabenda	aktif
5. Heavy Industries Yalley Sdn. Bhd.	Pembangunan hartabenda	aktif
6. HICOM Properties Sdn. Bhd.	Pemegang hartabenda	aktif
7. HICOM Indungan Sdn. Bhd.	Pembangunan hartabenda	aktif
8. Puncak Permai Sdn. Bhd.	Pembangunan hartabenda	belum beroperasi
9. Pembangunan Pinggiran Sdn. Bhd.	Pembangunan hartabenda	belum beroperasi

Kedudukan syarikat-syarikat subsidiari HICOM yang untung dan rugi, sehingga 31-3-1987 adalah berikut:

- A. *Senarai Syarikat-syarikat subsidiari HICOM yang memperoleh keuntungan*
1. HICOM Properties Sdn. Bhd.

2. HICOM Indungan Sdn. Bhd.
3. Taman Perusahaan Berat Sdn. Bhd.

- B. *Senarai Syarikat-syarikat subsidiari HICOM yang mengalami kerugian*
1. Perusahaan Otomobil Nasional (Proton).

2. Perwaja Terengganu Sdn. Bhd.
3. Heavy Industhes Valley Sdn. Bhd.

Pada amnya kerugian besar yang telah dialami oleh syarikat-syarikat subsidiari tersebut adalah disebabkan oleh faktor-faktor berikut:

- (a) kenaikan dalam nilai mata wang Yen Jepun telah menyebabkan kos faedah bagi syarikat-syarikat subsidiari yang terlibat dengan pinjaman Yen, melambong tinggi. Contohnya, bagi tahun kewangan 1986/1987, jumlah kerugian pertukaran mata wang asing bagi syarikat-syarikat Perwaja Terengganu, Kedah Cement dan PROTON berjumlah \$106,317 juta berbanding dengan \$82.623 juta dalam tahun kewangan 1985/1986; dan
- (b) keadaan pasaran yang lembab.

Kerajaan telah memberi perhatian berat terhadap prestasi beberapa anak syarikat HICOM dan sedang mengawasi dengan rapi aktiviti-aktiviti anak-anak syarikat itu. Kajian mendalam sedang dijalankan dan langkah-langkah sewajarnya sedang dan akan diambil untuk meningkatkan prestasi mereka. Antara langkah tersebut adalah seperti berikut:

- (1) penyusunan semula pengurusan syarikat-syarikat;
- (2) memperluaskan pasaran eksport di samping mencari pasaran-pasaran baru;
- (3) menyusun semula pinjaman-pinjaman dari luar negeri;
- (4) mengkaji semula strategi pemasaran yang berkesan untuk meningkatkan lagi jumlah jualan; dan
- (5) mendapatkan pinjaman dari sumber-sumber kewangan dalam negeri.

## **BIASISWA KEPADA PELAJAR-PELAJAR**

**21. Tuan Chua Jui Meng** minta Perdana Menteri:

- ia)* apakah kriteria yang digunakan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dalam menganugerahkan biasiswa kepada pengajian tahap pra-universiti dan universiti di dalam negeri dan luar negeri dan
- (b)* apakah jumlah dan bilangan biasiswa yang tersebut yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam bagi kursus-kursus pra-universiti, pengajian universiti di Malaysia dan di luar negeri mengikut pecahan setiap kategori bagi tahun-tahun 1980-1987.

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:**

- (a)* Pemberian biasiswa adalah terhad kepada pelajar-pelajar yang mencapai keputusan akademik paling cemerlang dan mengikuti kursus-kursus yang tertentu di dalam atau di luar negeri. Di antara syarat-syarat dan kriteria-kriteria yang telah ditetapkan ialah:
  - (i)* Bagi pelajar-pelajar yang melanjutkan petajaran ke luar negeri, mereka hendaklah memenuhi syarat-syarat dan kriteria-kriteria berikut:
    - (a)* Warganegara Malaysia;
    - (b)* Berumur tidak lebih dari 20 tahun pada tarikh keputusan peperiksaan SPM diumumkan;
    - (c)* Mendapat Pangkat Pertama di dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia

serta mendapat kepujian dalam mata-pelajaran-matapelajaran Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris dan Matematik. Calon-calon juga hendaklah mendapat keputusan yang cemerlang dalam mata-pelajaran-matapelajaran utama yang lain;

- (d) Berminat untuk mengikuti pengajian di luar negeri;
  - (e) Mengikuti kursus-kursus yang telah ditetapkan oleh pihak penaja.
- (ii) Bagi pelajar-pelajar yang melanjutkan pelajaran ke institusi-institusi pengajian tinggi dalam negeri, syarat-syarat dan kriteria-kriteria penganugerahan biasiswa adalah seperti berikut:
- (a) Warganegara Malaysia;
  - (b) Berumur tidak lebih dari 36 tahun pada bulan Julai tahun berkenaan;
  - (c) Mempunyai kelayakan masuk yang cemerlang dan mengikuti kursus-kursus tertentu di peringkat Ijazah Pertama; dan
  - (d) Telah diterima masuk ke institusi-institusi pengajian tinggi tempatan.

Pelajar-pelajar juga dikehendaki lulus temuduga yang diadakan. Dalam temuduga tersebut Jabatan Perkhidmatan

Awam akan menilai pelajar-pelajar dari segi minat, sifat dan keperibadian, perawakan, kedudukan sosio-ekonomi keluarga pelajar-pelajar dan penglibatan yang aktif pelajar-pelajar dalam aktiviti-aktiviti kokurikulum semasa di sekolah.

- (b) Mengenai soalan (b), ia perlu dijelaskan sama ada dimaksudkan dengan biasiswa JPA di peringkat Ijazah Pertama atau Ijazah Lanjutan. Oleh kerana soalan ini tidak begitu jelas maka tidaklah dapat dijawab secara khusus.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG KESATUAN SEKERJA (PINDAAN)

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (13hb Oktober, 1988)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Sabak Bernam.

4.08ptg.

**Tuan Haji Hussein bin Haji Taib (Sabak Bernam):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Bagi menyambung perbahasan mengenai Rang Undang-undang untuk meminda Akta Kesatuan Sekerja 1959, saya suka menyambung ucapan saya semalam dalam Rang Undang-undang tersebut.

Saya suka mengulangi sekali lagi sokongan saya kepada pindaan-pindaan yang dicadangkan, walau bagaimanapun saya suka memberikan pandangan saya mengenai seksyen 38 (3) berhubung dengan kenaikan yuran

kesatuan diputus mengikut majoriti undi sulit yang dikembalikan sahaja. Keadaan itu tentulah memberikan peluang kepada pemimpin-pemimpin kesatuan untuk terus menghidupkan kesatuan mereka dengan pertambahan pungutan yuran dan sekaligus menolak kesukaran dan kepayahan kesatuan sekerja daiam usaha mereka menaikkan yuran kerana ramai ahli yang tayak mengundi tetapi sebaliknya mereka tidak menjawab atau tidak mengembalikan kertas undi yang dihantar kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, demikian juga dengan Seksyen 40 (1), di mana undi sulit bagi meluluskan penubuhan atau pergabungan dengan mana-mana persatuan kesatuan sekerja atau mana-mana badan perunding atau badan yang serupa, tidak diperlukan lagi. Ianya memadai dengan keputusan mesyuarat agung atau persidangan perwakilan dengan cara undi mengangkat tangan dan kebebasan mengundi, dan membuat keputusan adalah merupakan unsur demokrasi yang wujud dalam persidangan kesatuan sekerja dan juga sekali gus memudahkan procedure untuk bergabung bagi sesuatu kejadian.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pergabungan kesatuan-kesatuan sekerja ini, hanya terdapat sebuah sahaja badan penyelaras kesatuan sekerja di Malaysia, iaitu Kongress Kesatuan Sekerja atau ringkasnya MTUC di mana kesatuan-kesatuan di kedua-dua sektor awam dan swasta boleh bergabung dengannya. Terdapat juga kesatuan-kesatuan yang besar dan kukuh yang ingin bergabung dengan beberapa badan dan Urusetia Sekerja di peringkat antarabangsa. Saya suka mencadangkan supaya pihak Kementerian Buruh atau Ketua Pengarah atau Pendaftar Kesatuan Sekerja mengawasi dan memastikan kepentingan satu-satu kesatuan sekerja yang ingin bergabung di peringkat antarabangsa. Sekiranya

setelah Kementerian Buruh atau Ketua Pengarah atau Pendaftar Kesatuan Sekerja berpuas hati barulah kebenaran diberikan kepada mana-mana badan kesatuan sekerja yang ingin bergabung dengan badan-badan yang lebih besar di peringkat antarabangsa. Kawalan ini adalah penting, Tuan Yang di-Pertua, supaya mana-mana badan kesatuan sekerja tidak sesuka hati mereka suka bergabung, di mana akhirnya sekiranya kawalan tidak dibuat mereka mungkin akan menggunakan kesempatan ini akan membincangkan sesuatu di forum di peringkat antarabangsa, kemungkinan sesuatu yang bertentangan dengan aspirasi negara.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh pindaan Seksyen 72, dalam Akta ini, kita dapat melihat ianya dapat menjelaskan lagi peruntukan-peruntukan yang membolehkan penggabungan keahlian sesebuah persekutuan kesatuan sekerja termasuk Sabah dan Sarawak. Langkah ini adalah lebih menjelaskan keadaan dan kesamaran yang terdapat dalam Akta Kesatuan Sekerja 1959 yang tidak menjelaskan kedudukan yang sebenar. Dengan pindaan ini saya rasa ianya lebih memberi gambaran yang sebenar dan langkah ini boleh mencepatkan soal integrasi nasional.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada keahlian wanita dalam kesatuan sekerja. Walaupun keahlian wanita begitu ramai tetapi kepentingan kaum wanita dalam kesatuan sekerja agak masih kecil. Sepanjang dua dekad kebelakangan ini, penyertaan kaum wanita dalam pasaran buruh telah meningkat lebih kurang 60%. Masalah-masalah yang dihadapi oleh ibu-ibu yang bekerja termasuk persoalan mengenai pembangunan keluarga tidak sahaja penting untuk menyatu-padukan keluarga, tetapi juga untuk kestabilan sosial. Perlu juga diwujudkan pusat jagaan kanak-kanak

dan kemudahan-kemudahan bantuan rumah. Sebagaimana juga rakan sejawat lelaki mereka, pekerja-pekerja wanita muda khususnya yang berhijrah adalah mudah terdedah kepada masalah-masalah perumahan, pengangkutan dan rekreasi yang sesuai, penyesuaian dan kesesuaian sosial dan sebagainya. Adalah diakui bahawa di kawasan-kawasan tertentu masalah-masalah yang dihadapi oleh pekerja-pekerja wanita muda adalah dalam keadaan yang lebih membimbangkan. Dengan bertambahnya kepimpinan wanita dalam kesatuan sekerja semoga akan dapat mengatasi dan mengurangkan lagi rasa kebimbangan yang saya suarakan ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk akhirnya, saya ingin bertanya kepada Kementerian Buruh mengenai kesatuan sekerja majikan. Masih terdapat kesatuan sekerja majikan yang tertetak di bawah Akta Kesatuan Sekerja 1955 dan terdapat juga persatuan majikan yang diletakkan di bawah Akta Pertubuhan 1966. Apakah dalam semakan semula Rang Undang-undang ini tidak dapat disatukan dan tidak dapat dikemaskinikan atau apakah kemungkinan-kemungkinan yang menyebabkan perkara ini terus dibiarkan? Saya sukalah mendapat jawapan daripada Yang Berhormat Menteri dalam perkara ini di mana saya rasa penyemakan Rang Undang-undang Kesatuan Sekerja ini hendaklah disemak dari masa ke semasa bagi menyesuaikan dengan keadaan masa.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Besut.

*4.16ptg.*

**Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman (Besut);** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengambil

peluang mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Buruh, khususnya seluruh pegawai di Kementerian Buruh kerana telah dapat mengemukakan pindaan yang menyeluruh terhadap Akta Kesatuan Sekerja yang memang sudah lama diura-ura dan ditunggu-tunggu. Saya ingin juga mengambil peluang untuk merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada pihak-pihak tertentu yang terlibat secara langsung dengan gerakan kesatuan sekerja di negara kita ini, iaitu pihak Jabatan Pendaftaran Kesatuan Sekerja, pihak pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja dan pihak majikan.

Tuan Yang di-Pertua, melalui pindaan-pindaan ini Pendaftaran Kesatuan Sekerja akan diubah namanya dan akan dikenali sebagai Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja dan saya percaya Jabatan berkenaan juga akan dikenali sebagai Jabatan Kesatuan Sekerja. Jabatan ini pada masa-masa yang lampau telah memainkan peranannya yang sangat-sangat berkesan dan sepatutnya mendapat penghargaan dari Dewan yang mulia ini dan daripada rakyat keseluruhannya. Jabatan Pendaftaran Kesatuan Sekerja pada masa yang lalu telah dapat mengawasi perjalanan kesatuan-kesatuan sekerja yang begitu banyak bilangannya di negara kita ini sehingga perjalanan kesatuan sekerja di negara kita ini bolehlah dianggap pada keseluruhannya berjalan dengan sihat dan baik.

Jabatan itu juga telah memainkan peranannya untuk membimbing perjalanan kesatuan-kesatuan sekerja bukan sahaja melalui penguatkuasaan undang-undang tetapi juga melalui tunjuk-ajar, bimbingan dan sebagainya, sehingga boteh dikatakan kebanyakan kesatuan sekerja sama ada kecil atau besar telah berjalan dengan baik, dengan cara sihat dan sempurna. Begitu juga melalui usaha Pendaftaran-pendatar Kesatuan Sekerja dan

pegawai-pegawai di setiap pelusuk tanah air yang menghubungi pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja di setiap kawasan dan di setiap tempat-tempat pekerjaan telah dapat mewujudkan gerakan kesatuan sekerja yang benar-benar berkesan untuk melindungi kepentingan pekerja-pekerja, khususnya yang menjadi ahli kepada sesebuah kesatuan yang berkenaan itu.

Saya ingin menyarankan kepada Kerajaan, khususnya kepada Kementerian Buruh, oleh sebab perubahan nama Pendaftar Kesatuan Sekerja kepada Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja, maka mungkin juga fungsinya akan berubah daripada sebuah jabatan yang menguatkuasakan undang-undang yakni Akta Kesatuan Sekerja dan mengawasi perjalanan kesatuan-kesatuan sekerja yang berdaftar dengannya, maka sepatutnya Jabatan ini juga memainkan peranan pembangunan dan ianya diperuntukkan dengan peruntukan yang mencukupi untuk menjalankan kerja-kerja pembangunannya terutama sekali dari segi peruntukan yang membolehkan Jabatan ini mengadakan kursus-kursus bimbingan dan kepimpinan kepada pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja, menambahkan aktiviti-aktiviti yang mengeratkan lagi hubungan pemimpin kesatuan sekerja dengan ahli-ahli, pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja dengan pegawai-pegawai Jabatan, pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja dan pekerja amnya dengan pihak majikan. Sekiranya peruntukan ini ada, Jabatan ini juga akan berfungsi untuk menganjurkan lawatan-lawatan sambil belajar umpamanya kepada pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja. Dengan cara yang demikian kita dapat mendedahkan lagi pemimpin-pemimpin kesatuan kita kepada keadaan perkembangan semasa, khususnya untuk memperolehi faedah-faedah yang akan

membantu mewujudkan gerakan kesatuan sekerja yang sihat dan produktif serta berdisiplin di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, kepada pemimpin-pemimpin Kesatuan Sekerja sendiri, sama ada kepada Persekutuan Kesatuan-kesatuan Sekerja ataupun Kesatuan-kesatuan Sekerja yang kecil atau besar, rakyat juga sepatutnya menyanjung dan terhutang budi atas sumbangan mereka selama ini terhadap pembangunan negara. Walaupun kita sentiasa terdengar bahawa ada berlaku di sana sini kejadian-kejadian yang tidak diingini, maka ada kadangkala kita meletakkan kesalahan itu kepada pemimpin-pemimpin Kesatuan Sekerja tetapi saya berpendapat, Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak adil jika kita menganggap bahawa pemimpin-pemimpin Kesatuan Sekerja atau Kesatuan Sekerja bergerak dengan cara yang merugikan negara kerana sebahagian besar sumbangan mereka, apa yang mereka lakukan adalah memberi keuntungan sekurang-kurangnya mewujudkan kumpulan pekerja-pekerja yang organised, yang dapat dipimpin, dipandu dengan betul dan pekerja-pekerja yang bertanggungjawab. Dan tidak kurang pula pemimpin-pemimpin Kesatuan Sekerja ini yang telah dapat mempengaruhi kesatuan masing-masing dan seluruh ahli-ahlinya supaya berdamping rapat dan mengeratkan hubungan yang harmoni dengan pihak-pihak lain, terutama sekali dengan pihak majikan dan dengan pihak Jabatan-jabatan yang berkaitan dengan Kesatuan Sekerja seperti Jabatan Pendaftar Kesatuan Sekerja, Jabatan Perhubungan Perusahaan, Jabatan Buruh dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyarankan supaya sikap pemimpin-pemimpin Kesatuan Sekerja di negara kita yang ada pada masa ini diperbaiki

lagi supaya ianya bertambah elok, terutama sekali dari segi tanggungjawab pemimpin-pemimpin, di dalam Dewan inipun disebut di dalam ucapan-ucapan Ahli Yang Berhormat terdahulu daripada saya, yang pada keseluruhannya saya fahami bahawa ada kebimbangan sekiranya sesebuah Kesatuan Sekerja itu dipimpin oleh pemimpin-pemimpin profesional yang tidak menjadi pekerja sebenarnya kepada industri berkenaan atau kepada tempat pekerjaan yang berkenaan yang mungkin mempengaruhi pekerja-pekerja di industri yang berkenaan itu kepada gerakan-gerakan yang merugikan.

Pada masa ini memang sebagaimana yang kita semua maklum ada pemimpin-pemimpin Kesatuan yang digaji, atau dipanggil pegawai-pegawai Kesatuan yang digaji oleh Kesatuan dan mereka ini sebenarnya tidak digaji oleh industri atau oleh syarikat-syarikat dalam industri yang berkenaan dan mereka ini bolehlah dianggap sebagai pemimpin-pemimpin profesional Kesatuan Sekerja dan mereka ini mempunyai pengalaman, mempunyai pengetahuan dan mempunyai kebolehan di dalam teknik-teknik rundingcara dan sebagainya, barangkali tenaga dan pengalaman serta kebolehan pemimpin-pemimpin seumpama ini juga masih diperlukan oleh setengah-setengah Kesatuan Sekerja. Tetapi apa yang dibimbangkan oleh kebanyakan Ahli Dewan ialah takut kalau-kalau pemimpin-pemimpin yang dibayar gaji oleh Kesatuan ini yang dianggap sebagai ahli-ahli profesional ini memperalatkan Kesatuan yang dipimpin oleh mereka untuk kepentingan-kepentingan yang lain seperti kepentingan politik dan sebagainya.

Maka saya berpendapat sekiranya benar-benar pemimpin-pemimpin dan pegawai-pegawai Kesatuan Sekerja ini

bertanggungjawab dan menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka seperti yang ditentukan, maka masalah ini tidak timbul. Begitu juga saya mengharapkan supaya pemimpin-pemimpin Kesatuan Sekerja di negara kita ini bersikap lebih harmoni apabila menghadapi majikan-majikan atau pegawai-pegawai di Jabatan-jabatan yang berkenaan supaya dapat kita terus mewujudkan suasana atau iklim yang elok di dalam pembangunan negara kita dan supaya kita dapat menjauhi anggapan yang boleh ditakuti oleh pelabur-pelabur asing seperti yang digambarkan dari masa ke semasa.

Begitu juga pemimpin-pemimpin Kesatuan Sekerja sendiri boleh dan pada masa-masa yang lalu juga telah pun memainkan peranan masing-masing untuk membantu mempertingkatkan lagi taraf hidup pekerja-pekerja, khususnya yang menjadi ahli kepada Kesatuan mereka, bukan sahaja dah segi peningkatan pendapatan dan begitu juga taraf hidup dari segi sosial tetapi juga peningkatan dari segi pengetahuan, kebolehan, produktivi, disiplin dan seumpamanya, dan saya harap usaha seumpama ini akan dapat diteruskan.

Tuan Yang di-Pertua, kepada majikan-majikan, saya perhatikan sejak beberapa tahun kebelakangan ini keadaan hubungan perusahaan di negara kita iaitu perhubungan di antara majikan dengan pekerja, khususnya di dalam Kesatuan-kesatuan Sekerja telah bertambah baik daripada setahun ke setahun. Kalau dahulu boleh dianggap di negara kita ini pihak majikan dan pihak Kesatuan Sekerja sentiasa bermusuhan tetapi pada masa ini mereka dapat bekerjasama sebagai rakan, dengan dibantu pula oleh pihak Kerajaan melalui Jabatan Kesatuan Sekerja dan Jabatan Perhubungan Perusahaan

serta lain-lain Jabatan yang berkaitan, maka nampaknya hubungan yang harmoni benar-benar wujud di negara kita ini. Dan inilah juga membantu menggambarkan keadaan iklim pelaburan yang sihat di dalam negara kita dan inilah juga mungkin satu daripada sebab yang dapat menarik minat pelabur-pelabur asing untuk melabur di negara kita. Maka keadaan yang demikian bukan sahaja sepatutnya dikekalkan tetapi seharusnya pula dipertingkatkan lagi supaya keadaannya akan bertambah baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga mengambil peluang untuk menyarankan atau memberi pandangan atau cadangan atas satu dua perkara yang lain. Umpamanya, Fasal 4 berhubung dengan tafsiran takrif perkataan "trade, pekerjaan dan industri". Jadi, mengikut Akta ini atau Rang Undang-undang ini, sesebuah Kesatuan Sekerja boleh ditubuhkan dan boleh menerima ahli-ahli daripada kalangan pekerja-pekerja yang sama trade atau sama pekerjaan atau sama jenis industri. Apa yang saya beri pandangan di sini kadang-kadang terdapat perselisihan mentafsirkan takrif ini. Oleh sebab perkembangan atau kemajuan teknologi yang berlaku pada masa ini, maka kita dapati ada setengah-setengah industri itu boleh ditafsirkan dengan berlainan cara.

Umpamanya, beberapa tahun yang lalu kita terdengar ada pertelingkahan mentafsirkan sektor industri elektronik. Ada kesatuan elektrik mengatakan industri itu ialah industri yang termasuk di bawah takrif elektrik tetapi ada pula pihak mengatakan pekerja-pekerja ataupun industri elektronik bukan elektrik kerana ianya elektronik. Jadi, oleh yang demikian, maka kita dapati ada dua kesatuan yang cuba hendak masuk di dalam sektor elektronik dan ini menimbulkan masalah.

Begitu juga kalau kita tengok sekarang banyak contoh, umpamanya kalau industri membuat sarung tangan. Ada kesatuan sekerja industri getah umpamanya menganggap ini ialah industri getah maka kesatuannya berhak memasuki industri tersebut. Tetapi oleh sebab pembuatan sarung getah itu menggunakan bahan-bahan kimia, barangkali ada pula kesatuan sekerja dalam sektor industri kimia akan mengakui mereka berhak masuk dan organise pekerja-pekerja di kilang yang berkenaan, kerana industri itu ialah industri bahan-bahan kimia kerana ia menggunakan kimia. Begitu juga seumpamanya kepada industri kilang perabot. Sebuah kilang perabot menggunakan berbagai-bagai jenis alatan termasuk logam, kayu, kimia, jentera, maka kalau tidak diadakan satu garis panduan yang jelas, maka pertelingkahan boleh wujud pada masa-masa yang akan datang.

Saya mencadangkan supaya Kementerian Buruh khususnya Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja akan dapat menentukan takrif ini melalui suatu garis panduan yang diakui sama ada dengan cara disahkan bersama oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian atau lain-lain pihak yang ada kaitan dengan industri-industri yang berkenaan itu. Pandangan saya ini semata-mata untuk mengelakkan daripada berlakunya pertelingkahan pada masa melaksanakan Akta ini nanti.

Yang akhir sekali saya suka memberi pandangan. Pekerja-pekerja kita di negara kita adalah sebahagian besar daripada rakyat yang berjasa, membina dan membangun negara kita ini, jasa mereka adalah sungguh besar dan kedudukan mereka patut diberi penghormatan yang berpadanan. Oleh yang demikian sekiranya mereka ini terkumpul di dalam sesebuah kesatuan, maka kesatuan mereka juga hendaklah diberi taraf dan diberi

layanan yang sepatutnya dan mereka tidaklah elok dipandang rendah, dipanggil dengan perkataan-perkataan yang tidak menyenangkan. Begitu juga janganlah ada mana-mana pihak yang cuba mempermain-mainkan kesatuan-kesatuan sekerja ini. Jika sekiranya rundingan-rundingan telah dijalankan, persetujuan-persetujuan telah dicapai, maka hendaklah pihak yang berkenaan mematuhi segala persetujuan yang dicapai itu.

Pada masa-masa yang lalu ada didapati perundingan-perundingan yang telah dijalankan antara pihak kesatuan dengan majikan yang telah pun dipersetujui dan ditandatangani serta disaksikan oleh pihak-pihak yang berkenaan terutama sekali oleh Kementerian Buruh atau oleh pihak JPA, tetapi pelaksanaannya kemudian daripada itu tidak berjalan seperti yang sepatutnya.

Kita telah dengar baru-baru ini sebuah kesatuan sekerja yang bekerja dengan Kerajaan sendiri, iaitu satu rundingan telah diadakan antara sebuah kesatuan sekerja dengan pihak JPA dan suatu persetujuan telah dicapai. Ini telah diakui sendiri oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada masa itu, tetapi pada akhir-akhir ini kita telah dengar kesatuan yang berkenaan menuduh pihak Kerajaan tidak melaksanakan persetujuan yang telah ditandatangani itu. Oleh yang demikian saya menganggap perkara seumpama ini tidak sepatutnya berlaku, kerana perjanjian yang dibuat antara sebuah Jabatan Kerajaan khususnya JPA dan sebuah kesatuan sekerja, maka ianya mestilah dilaksanakan. Kalau ianya tidak mampu dilaksanakan mestilah diselesaikan dengan cara yang boleh memberi puas hati atau diterima oleh pihak kesatuan yang berkenaan, tidak guna kita bertelingkah kerana perkara yang kita telah pun dipersetujui. Kalau perkara ini dibiarkan berlaku

berleluasa, maka mungkin ianya boleh dianggap suatu perbuatan yang menghina pekerja-pekerja di negara kita ini, khususnya oleh Kerajaan sendiri.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempe-  
ngerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Perlu, saya bersama-sama menyokong Rang Undang-undang ini kerana apa yang saya difahamkan bahawa ianya telah dipersetujui oleh Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan yang dianggotai oleh ketiga-tiga pihak yang berkenaan iaitu pihak Kerajaan, pihak Kesatuan Sekerja dan pihak Kesatuan Majikan-majikan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Lembah Pantai.

4.36 ptg.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah (Lembah Pantai):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan juga untuk membahaskan sedikit herhubung dengan pindaan Akta Kesatuan Sekerja 1988, iaitu suatu Akta untuk meminda Akta Kesatuan Sekerja 1959. Yang mana huraian-huraiannya telah pun terang dibaca oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan pada dua hari yang lepas dan juga ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain telah pun mengambil bahagian bagi membahas Rang Undang-undang ini yang mana keseluruhannya menyokong penuh.

Saya juga menyokong penuh dan mengucapkan tahniah di atas usaha yang dijalankan oleh pihak Kementerian dan Kerajaan negara kita ini yang telah pun bersama-sama untuk menjaga kepentingan pekerja, kepentingan majikan dan juga untuk kepeimpinan negara untuk membangun negara Malaysia ini.

Dengan keadaan ini saya rasa para pekerja dan juga majikan sepatutnya berterima kasih termasuk juga kesatuan-kesatuan sekerju mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan yang begitu mengambil berat di atas usaha bagi meninggikan taraf, tahap pekerja-pekerja di dalam negara kita ini. Oleh hal yang demikian kita mengharapkan supaya tidak ada suara-suara sumbang yang menyatakan yang tidak puas hati terhadap Kerajaan atau pimpinan Kerajaan yang ada pada hari ini, yang mengatakan pihak Kerajaan tidak bertanggungjawab, tidak berperikemanusiaan dan berbagai-bagai lagi dilemparkan oleh golongan-golongan yang tertentu, yang hanya untuk mengambil kesempatan bagi diri mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, huraian ini terutamanya Fasal 3 Akta, supaya gelaran "Pendaftar Kesatuan" ditukarkan kepada "Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja", ini rasa saya memanglah sesuai dengan adanya pindaan-pindaan ini. Sepatutnya pindaan-pindaan yang seumpama ini dapat disesuaikan Akta ini dari satu masa ke satu masa.

Fasal 4 iaitu seksyen 12 (2) ialah berkenaan kuasa Ketua Pengarah menolak pendaftaran sesebuah kesatuan yang lain, dan saya menyokong pindaan ini.

Kita tidak mahu Tuan Yang di-Pertua, di dalam satu-satu syarikat swasta atau di satu-satu perindustrian dan sebagainya 2-3 kesatuan sekerja diwujudkan, kerana dengan keadaan ini akan bercanggah dan satu kesatuan sekerja yang lain menuntut. Sebenarnya dalam satu perindustrian jika ada keadaan seperti ini, saya rasa pihak Kerajaan telah pun meneliti akan keadaan ini dan mengelakkan supaya perkara-perkara yang seumpama ini tidak berlaku. kerana perkara-perkara yang seumpamanya

ini ada berlaku dimasa yang telah lalu dalam satu-satu syarikat ataupun satu-satu perusahaan itu banyak sangat kesatuan-kesatuannya yang mendesak itu dan ini hinggakan pihak Kerajaan tidak dapat tahu mana yang benar dan mana yang tidak.

Fasal 5 bertujuan meminda seksyen 15 (2) untuk menentukan supaya pihak Ketua Pengarah menyisih daripada daftar keanggotaannya pekerja-pekerja dalam mana perdagangan atau pekerjaan di industri yang dinyatakan di sini. Keadaan ini juga berlaku di masa-masa yang lalu dan dengan pindaan ini keadaan ini tidak akan berlaku lagi.

Seksyen 26 (1A). Saya bersetuju dengan pandangan-pandangan dan pendapat-pendapat Ahli-ahli Yang Berhormat yang berucap sebelum daripada saya supaya tiap-tiap kesatuan sekerja ini tidak mengambil orang luar daripada kesatuan itu sendiri untuk menjadi sama ada Presiden, Setiausaha dan pegawai-pegawai lain. ini bagi mengelakkan perkara-perkara yang telah berlaku pada tahun-tahun yang lalu di dalam negara kita ini, yang mana setiap kali ada Persidangan-persidangan Kesatuan Sekerja ini di luar negeri setiap tahunlah kita dengar pihak-pihak yang berkenaan memburukkan keadaan yang ada di dalam negara kita ini. Oleh hal yang demikian. pihak Kerajaan tidak ada tindakan yang diambil, hanya kita kalau surat-khabar mendesak itu dan ini. Tetapi dengan adanya seksyen ataupun pindaan ini kita harap supaya pihak Kerajaan, jikatau sekiranya di masa yang akan datang kesatuan-kesatuan sekerja ini ataupun siapa yang dibenarkan untuk keluar negeri menghadiri persidangan-persidangan supaya diketatkan sedikit kepada mereka yang apabila membuat ucapan mestilah terlebih dahulu mereka ini sebelum keluar negeri supaya mereka

ini membuat deraf ucapan itu diserahkan kepada Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja untuk disemak, kerana kita tidak mahu apa yang dikatakan di sini di luar negeri lain.

Saya mencadangkan juga kalau sekiranya perkara ini berlaku juga lagi kita mengharapkan, pada 10hb kita telah pun meluluskan pindaan Akta Imigresen, jikalau sekiranya perkara ini berlaku juga kita mengharapkan pihak yang berkenaan apabila balik sahaja mereka daripada luar negeri menghadiri persidangan-persidangan, patut pihak Imigresen menahan mereka di lapangan terbang disoal siasat lebih dahulu jikalau benar-benar perkara ini berlaku dan boleh pihak Kerajaan mengambil tindakan.

Di samping itu juga di negara-negara luar, kita ada kedutaan kita di sana, pegawai kita yang telah ditugaskan di sana supaya mereka ini mengawasi siapa sahaja yang memberi pandangan yang tidak betul terhadap negara Malaysia ini supaya dihantar dengan seberapa segera tetex ke negara ini dan tindakan yang saya sebutkan tadi supaya dapat diambil, kerana kita tidak mahu di dalam negara kita ini ada manusia-manusia untuk mendapatkan kepentingan mereka diri sendiri sahaja tanpa memikir keselamatan di dalam negara Malaysia ini.

Seksyen 28 (7) mengurangkan daripada tiga tahun ke setahun. Ini juga saya rasa amat dialu-alukan kerana dengan keadaan ini kita dapat membanyakkan lebih lagi kesatuan-kesatuan sekerja akan menonjolkan orang-orang ataupun pegawai-pegawai yang boleh membawakan masalah-masalah bukan untuk masalah diri mereka sendiri tetapi masalah di dalam kesatuan mereka sahaja.

Seksyen 38 (3) rasa saya semuanya mengakui dan menyetujui tentang peraturan baru iaitu peraturan kesatuan sekerja mestilah dibuat

dalam Bahasa Malaysia, Bahasa Kebangsaan. Dalam keadaan ini saya mencadangkan supaya pihak Kerajaan juga dapat menterjemahkan Akta Kesatuan Sekerja 1959 ini iaitu naskah sah bahasa Inggeris supaya dapat diterjemahkan di dalam Bahasa Malaysia keseluruhannya. Saya rasa dengan keadaan ini tidak akan bercanggah dengan Fasal 10, Seksyen 38 (3) iaitu dengan undang-undang dan juga peraturan kesatuan sekerja yang kita akan pinda pada hari ini.

Tentang kenaikan yuran, saya tidaklah begitu setuju dengan cadangan ini kerana kemungkinan dengan menaikkan yuran hak untuk pengundi, saya rasa ini akan disalahgunakan oleh kesatuan-kesatuan nanti, kerana kita tahu banyak kesatuan-kesatuan yang mana kesatuan-kesatuan ini apabila wang yang banyak penyelewengan akan berlaku. Dengan keadaan ini apabila kesatuan itu nanti kekurangan wang, dia akan menaikkan yuran-yuran selepas itu wang-wang ini kita takut disalahgunakan. Oleh itu dalam keadaan ini sepatutnya pihak Kementerian supaya dapat mengkaji semula di dalam kenaikan yuran yang dikatakan di dalam (c) ini.

Soal yang lain saya mengharapkan juga pihak kesatuan sekerja supaya jangan sewenang-wenangnya dengan adanya Kerajaan telah pun bersamasama dengan kesatuan-kesatuan sekerja supaya kesatuan sekerja juga mengambil kira di atas kepentingan negara kita. Kita tidak mahu apabila kesatuan tidak puas hati dengan majikan dan seterusnya diadakan mogok yang diberi notis yang begitu singkat dan keadaan ini umpamanya baru-baru ini berlaku di Kuala Lumpur iaitu Syarikat Bas Tong Fong yang mengadakan kita pun tidak tahu suratkhbar pun tidak tahu, orang ramai pun tidak tahu apabila tiba perkara ini mogok hingga banyak

penumpang-penumpang yang tidak tahu kesatuan bas ini menjalankan mogok tergendala begitu ramai, orang-orang yang tidak dapat naik bas dan sebagainya. Dengan keadaan ini kita mengharapkan juga kesatuan apabila berkehendakkan satu-satu mogok harus memberi tahu kepada Ketua Pengarah lebih awal dan Ketua Pengarah atau pihak Kerajaan memberi tahu kepada umum kerana dengan keadaan ini rasa saya kita tidak dapat pihak-pihak yang lain menagguk di air keruh, menyalahkan kepada satu-satu pihak.

Dalam keadaan ini juga kita mengharapkan majikan supaya majikan juga bekerjasama dengan pihak kesatuan sekerja kerana kata pepatah Melayu, majikan dan pekerja adalah sebagai aur dengan tebing, iaitu tolong menolong antara satu dengan lain, dengan tidak ada majikan, tidak ada pekerja, dengan tidak ada pekerja, tidak ada majikan.

Oleh itu dalam keadaan ini mestilah kedua-duanya bekerjasama di antara satu dengan lain di samping dengan panduan yang diberi oleh Kerajaan. Dengan keadaan ini dalam negara ini, lebih-lebih lagi negara kita sedang membangun yang memerlukan pekerja-pekerja, yang memerlukan keperluan pengeluaran yang lebih banyak di samping itu juga kita memerlukan membawa pelabur-pelabur asing supaya mereka ini tidak keluar daripada negeri ini untuk melabur ke negara-negara lain disebabkan keadaan kesatuan sekerja yang tidak betul, majikan-majikan yang tidak betul, pihak-pihak itu tidak betul, ini memungkinkan pihak-pihak pelabur tidak datang ke negara kita ini. Dengan keadaan ini sekali lagi saya menyarankan supaya pihak-pihak yang berkenaan supaya yang telah sudah, sudahlah, yang akan datang supaya berhati-hati, jangan dengan sesuka hati sahaja demi kepentingan

diri sendiri memburuk-burukkan negara kita ini.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong sepenuhnya Akta ini supaya diluluskan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daudt:**  
Ahli Yang Berhormat dari Kimanis.

*4.48 ptg.*

**Tuan Nurnikman bin Abdullah (Kimanis):** Tuan Yang di-Pertua, saya turut sama untuk membahaskan Rang Undang-undang Kesatuan Sekerja (Pindaan) yang mana telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Buruh pada 12hb Oktober, 1988.

Sesungguhnya Rang Undang-undang Kesatuan Sekerja (Pindaan) yang dibentangkan ini memang sudah kena pada masanya memandangkan peranan yang dimainkan oleh kesatuan-kesatuan sekerja di negara kita amat penting. Kesatuan sekerja bukan sahaja terlibat secara langsung dengan pembangunan sosio ekonomi negara ini tetapi juga berfungsi sebagai pemimpin dan penjaga kepada ratusan, ribuan pekerja khususnya ahli-ahli mereka. Ia juga adalah menjadi alat perhubungan di antara para pekerja dengan majikan, menjaga kepentingan setiap ahli dan pekerja adalah menjadi dasar yang utama kesatuan sekerja.

Tuan Yang di-Pertua, berdasar kepada peranan yang dimainkan oleh trade unionisma atau Kesatuan Sekerja di negara kita pada hari ini, Kerajaan telah sedar dan memperakui akan kepentingan mereka. Oleh yang demikian, Kerajaan telah memberi segala kebebasan kepada para pekerja untuk menubuhkan Kesatuan Sekerja sama ada di peringkat negeri atau persatuan, tidak kira satu-satu badan itu badan swasta atau Kerajaan.

Berhubung dengan pindaan-pindaan yang dicadangkan, saya ingin menyentuh beberapa fasal dalam pindaan-pindaan itu. Seperti yang dinyatakan dalam Fasal 6 pindaan itu, saya amat bersetuju bahawa seseorang bekas pekerja yang telah keluar atau berhenti dari digaji tidak harus meneruskan keanggotaannya dalam mana-mana juga kesatuan di mana dia telah menjadi ahli sebelum kejadian ini. Ini amat perlu kerana jika perkara ini tidak dikawal maka ramai bekas-bekas ahli yang sepatutnya sudah bukan ahli lagi dan telah hilang keistimewannya sebagai ahli akan terus menikmati keistimewaan itu tanpa diketahui atau disedari oleh sesiapa pun. Sudah tentu perkara seumpama ini akan menimbulkan berbagai-bagai masalah dan kerumitan. Oleh yang demikian, sewajarnya pindaan ini dikenakan demi untuk menjamin perkara seumpama ini tidak berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan ini, saya juga ingin mencadangkan supaya Kerajaan mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap mana-mana Kesatuan Sekerja yang mempunyai ahli yang sudah berhenti daripada digaji atau mereka yang sudah dibuang kerja atas sebab-sebab tertentu. Saya juga ingin mencadangkan supaya Kerajaan membuat satu kajian yang menyeluruh ke atas semua Kesatuan-kesatuan Sekerja yang berdaftar untuk memastikan mereka mempunyai ahli-ahli yang sah dan tidak melanggar undang-undang yang sedia ada.

Seperkara lagi yang perlu diberi perhatian ialah Fasal 7 dan 12 dalam pindaan ini. Fasal 7 telah menyentuh tentang tempoh perkhidmatan bagi kelayakan seorang yang layak dilantik sebagai pegawai kesatuan. Pada masa ini undang-undang " memerlukan seseorang itu untuk berkhidmat selama tiga tahun sama ada dia layak

memegang sebarang jawatan dalam mana-mana juga Kesatuan Sekerja. Pindaan ini telah mengurangkan tempoh itu kepada satu tahun. Adalah diharapkan kelonggaran ini akan mendatangkan keuntungan kepada mereka yang terlibat. Tidak dapat kita nafikan bahawa setiap pekerja yang baru sahaja memasuki lapangan pekerjaan mempunyai kebolehan dan kecekapan yang sendiri yang amat berguna, bukan sahaja kepada majikan mereka tetapi juga kepada Kesatuan Sekerja yang bakal disertai oleh mereka. Oleh itu, mereka haruslah diberi peluang untuk berkhidmat dan memainkan peranan yang aktif dalam masa yang sesingkat-singkatnya. Mereka yang mempunyai nilai kepimpinan yang tinggi dan yang sanggup berkhidmat dengan baik dan jujur haruslah diberi peluang sertamerta dan bukan terpaksa menunggu masa yang agak lama. Dalam konteks ini satu tahun seperti dicadangkan itu juga dirasakan terlalu lama. Kalau boleh, saya, ingin Menteri yang berkenaan mengkaji supaya masalah ini dapat dipendekkan.

Tuan Yang di-Pertua, kewangan memang perlu bagi semua badan pertubuhan termasuk Kesatuan Sekerja. Tanpa kewangan yang cukup, badan-badan ini tidak mungkin dapat berfungsi dengan berkesan. Dalam pada ini pula masalah salahguna wang di kalangan badan-badan ini sentiasa ada dan kadangkala ada begitu serius sekali. Di antara sebab-sebab berlakunya perkara seumpama ini ialah kekurangan kawalan ke atas sistem audit dan accountability, dengan izin. Tanpa adanya satu sistem yang boleh mengukuhkan kawalan-kawalan, pihak-pihak yang tertentu dan yang tidak bertanggungjawab amat mudah membuat dan merancang sesuatu yang bertentangan dengan objektif dan matlamat Kesatuan Sekerja atau badan-badan yang berkenaan. Tetapi dengan

memperkenalkan satu sistem yang dianggap berkesan dalam kawalan kewangan maka saya percaya banyak masalah boleh diatasi. Apa yang perlu ialah semua pihak yang terlibat harus memainkan peranan masing-masing ke arah menjayakan segala hasrat dan aspirasi kesatuan atau badan yang mereka wakili.

Akhir sekali, kita sama-sama berharap agar Rang Undang-undang pindaan ini akan dapat mengatasi apa juga masalah serta kelemahan yang ada dan dapat memberi manfaat dan faedah yang besar kepada semua pihak khususnya para pekerja dan juga majikan dalam kita menjalankan kewajipan kita seharian.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohammed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Marang.

4.56 *ptg.*

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar (Marang):** Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan kepada Akta Kesatuan Sekerja yang dibentangkan untuk bacaan kali kedua dalam Parlimen pada hari kelmarin hinggalah hari ini, jelas memberikan gambaran bahawa Kerajaan mempunyai hasrat yang sangat murni. Bukan sahaja untuk meningkatkan produktiviti dan juga mengurangkan kos buruh atau bertujuan untuk menghapuskan kesamaran dan ketidakjelasan atau juga bertujuan untuk memperbaiki pentadbiran dan penguatkuasaan Undang-undang Buruh sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Menteri Buruh, tetapi lebih daripada itu menjelaskan kepada kita bahawa pihak pemerintah menekankan tentang betapa pentingnya soal kebajikan pekerja di seluruh negara diberi perhatian.

Pindaan Akta ini juga kalau kita lihat secara menyeluruh menjelaskan

kepada kita betapa peka dan sensitifnya Kerajaan terhadap kebajikan sosio-ekonomi kaum marhaen ataupun golongan yang dianggap masih boleh diperbaiki taraf hidup mereka. Pindaan ini juga menjelaskan kepada kita bahawa Kerajaan sentiasa memberatkan bidang industri sebagai salah satu bidang yang boleh meningkatkan ekonomi negara Malaysia ini sendiri. Sehubungan dengan itu juga saya mengirakan bahawa Kerajaan menyedari bahawa pekerja, majikan perlu mempunyai hubungan baik, perlu dilatih, perlu diasuh, perlu didukung supaya antara majikan dengan pekerja bukan sahaja baik, kerjasama tetapi juga kedua-dua pihak ini, saling bergantung, sama-sama memperbaiki negara dan juga tanahair mereka.

Tuan Yang di-Pertua, melihatkan hasrat-hasrat yang sungguh murni sudah tentulah mereka yang berfikir dengan secara rasional, mereka yang boleh mempertimbangkan akal dengan waras menyokong Akta ataupun pindaan Rang Undang-undang ini. Tetapi bagi mereka yang mahu melihat kesalahan-kesalahan sahaja ataupun yang suka kepada perkara-perkara yang menentang Kerajaan akan melihat Akta ini sebagai satu halangan besar kepada mereka.

Semalam Yang Berhormat dari Puchong, sayang dia pengecut takut untuk berada di Dewan ini, menjelaskan bahawa Akta ini adalah satu Akta yang menyekat kebebasan, satu Akta yang juga melanggar ILO. Perlanggaran ini kononnya telah dibuat oleh Akta ini sendiri. Saya mengira dalam soal kita menyusun keadaan kesejahteraan ekonomi bangsa, dalam soal kita menyusun suasana pekerja yang lebih harmoni dan lebih baik, soal ILOkah, ILAkah tidak ada kena-mengena. Dan kita

melihat ia menentang lagi kerana dikatakan untuk membataskan kebebasan pergerakan kaum buruh di negara ini.

Sukacita saya menyatakan bahawa Kerajaan tidak pernah menekan atau membataskan kebebasan pekerja atau kaum buruh ataupun apa sahaja golongan di negara ini. Kalaulah sekiranya Kerajaan membataskan kebebasan pekerja, sudah barang tentulah Akta Kesatuan Sekerja 1959 yang telah dipinda pada tahun 1980 dan dipinda lagi pada tahun ini, maka sudah tentulah saya kira pindaan-pindaan ini tidak membawa kepada kebaikan dan juga kemudahan kepada pekerja itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga merasa sedih kerana wakil dari Puchong sendiri mengatakan tujuan Rang Undang-undang ini adalah untuk memberikan kuatkuasa yang bentuknya sangat , sementara. Begitulah kalau kita ceritakan tentang wakil Puchong itu dan banyak lagilah cerita dongeng, cerita khayalan yang dibuat oleh pihak beliau, sehingga rakan dia ahli DAP pun tak terjawab hari ini kerana dongengnya.

Tuan Yang di-Pertua, apakah seorang yang bercakap atas nama pekerja tetapi dalam masa yang sama telah mengkhianati kepentingan pekerja itu sendiri. Kita maseh ingat lagi bagaimana satu peristiwa yang sangat tragis telah dibuat oleh wakil Puchong itu sendiri. Beliau telah sanggup pergi ke luar negeri, ke Amerika Syarikat minta pihak Kerajaan Amerika Syarikat menyekat hak istimewa (G.S.P.) yang telah diberikan oleh negara Amerika Syarikat kepada Malaysia ini sendiri dan dengan cara itu kita lihat telah hampir-hampir terjadi bagaimana negara Amerika Syarikat telah hampir menyekat hak istimewa G.S.P. yang diberikan juga kepada Filipina, yang diberikan juga kepada Thailand dan

juga diberikan kepada Malaysia ini. Kalaulah sekatan itu berlaku, saya kira bukan 1.000, bukan 2,000, bukan 7.000 tetapi 71.000 pekerja yang akan teraniaya. Apakah orang seperti wakil Puchong itu akan dapat membela golongan pekerja? Inilah saya kira peranan yang dimainkan atau yang dibuat oleh wakil Puchong itu menjelaskan kepada kita bahawa ia mahu menjadikan trade union atau kesatuan sekerja sebagai untuk mendapatkan tempat, sebagai mendapatkan mandat. sebagai orang yang kononnya berjuang atas nama pekerja-pekerja.

Saya bimbang dan takut kalau-kalau kedudukan mereka dalam kesatuan sekerja adalah untuk dipolitikkan, sebagaimana kita telah dapat melihat iaitu dapat menggunakan nama pejuang, hak kebebasan tetapi sebenarnya ia cuba menanggung di air keruh, cuba memancing undi, supaya kononnya golongan pekerja akan dapat memberikan undi kepada DAP. Inilah gelagat-gelagat janggal yang sering berleluasa di kalangan orang-orang ataupun pemimpin-pemimpin DAP sendiri.

Kecaman-kecaman seperti ini adalah kecaman yang sangat memilukan. Oleh itu, sehubungan dengan adanya Rang Undang-undang Kesatuan Sekerja (Pindaan) ini, saya mencadangkan agar mereka yang bukan pekerja, yang bukan ahli kepada mana-mana kesatuan sekerja. baik dalam in-house union ataupun dalam bentuk badan yang lain tidak dibenarkan memegang jawatan, kerana orang-orang ini, walaupun dia mempunyai profesional tetapi profesional mereka ini adalah untuk mengganggu-gugat serta membina-sakan negara.

Saya sangat bersetuju dengan pandangan dan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Besut yang mencadangkan bahawa golongan

profesional itu diberi tempat, tidak dihadkan kepada ahli-ahli ataupun golongan pekerja sahaja. Saya ingin mengingatkan lagi bahawa profesional itu tidak ada makna kalau profesional itu, kebijaksanaan itu atau intelektualisme itu digunakan untuk mengkhianati negara, samalah dengan seorang bekas pemimpin ternama negara kita. Bagaimanakah dalam suasana dan masa begini telah menggunakan suasana ini untuk mengecam Kerajaan dan meletakkan satu perasaan dan meletakkan satu suasana yang bertentangan dengan hasrat pemimpin negara, dikatakannya kononnya kita hendak mengadakan "snap election" ataupun pilihanraya mengejut, orang tak sibuk, dia yang sibuk. Dan bukan itu sahaja, ditelohkannya lagi, kalau anggaran kalah kalau anggaran kalah hendak "declare an emergency", hendak mengadakan MAGERAN. Saya tak lemah, saya tidak bimbang hasrat ataupun pandangan beliau itu sendiri. ....

**Tuan Shahidan bin Kassim:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli Yang Berhormat Marang, Ahli Yang Berhormat dari Arau minta penjelasan.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, ada dua penjelasan saya minta dari Ahli Yang Berhormat supaya kenyataan Ahli Yang Berhormat itu diterima, dipakai oleh semua pihak. Yang pertama, apakah Ahli Yang Berhormat maksudkan dengan profesionalisme tadi, adakah dengan gelaran Ijazah Doktor Kehormat, doktor persuratan itu boleh kita pakai gelaran "doktor". Apa yang saya tahu, cuma orang yang dapat Ph. D dan mereka yang mendapat kelulusan perubatan berhak mendapat gelaran "Doktor", tetapi

sebaliknya orang yang mendapat gelaran Ijazah Kehormat itu dibolehkan memakai gelaran "doktor" dan Ahli Yang Berhormat mengiktirafkan itu sebagai orang profesional. Itu perkara nombor satu.

Perkara kedua, ada tadi Ahli Yang Berhormat sebutkan iaitu bekas Timbalan Perdana Menteri mengeluarkan kenyataan yang kebudak-budakan. Adakah tindakan bekas Timbalan Perdana Menteri itu sama seperti tindakan yang berbentuk yang sama yang saya istilahkan tadi seperti yang dibuat oleh MP Johor Bahru?

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Profesionalisme bagi saya ialah mereka yang mempunyai kelulusan yang diiktiraf, yang mempunyai kelulusan yang boleh diterima, bukan semata-mata sijil pakai macam itu sahaja, bukan macam gelaran wakil Puchong, itu contohnya, iaitu profesionalisme yang ada pakar, yang ada sijil dan kelulusan yang diiktiraf dan juga tahu secara mendalam dan bukan tahu secara main-main macam wakil dari Kepong. Dan Ahli Yang Berhormat dari Arau bertanya saya mengenai dengan tindakan bekas Menteri ataupun Ahli Parlimen dengan ucapan dia ini adakah lebih dahsyat daripada wakil dari Johor Bharu.

Bagi saya lebih dahsyat daripada wakil Johor Bharu berkali-kali ganda. Sebab saya berkata demikian, kerana tindakan itu menjelaskan kepada kita wujudnya pelabur-pelabur, wujudnya orang-orang luar yang takut untuk datang ke Malaysia, hatta daripada rasa takut dan bimbang itu boleh mencetuskan suasana yang tidak harmoni, suasana pelaburan yang tidak boleh menjaminkan dan yang tidak boleh menguntungkan, hatta daripada itu juga boleh menjejaskan

ekonomi negara. Contohnya mungkin Keluaran Negara Kasar kita akan jatuh. Kalau kini kita sudah meningkat 7.8% mungkin akan turun pula kepada 6% ataupun 5%. Kita sedang berusaha untuk meningkatkan ekonomi dan suasana pelaburan yang lebih baik, kita bekerja siang malam, tetapi ada pula orang-orang tertentu yang senang-senang pergi ke Amerika, senang-senang pergi ke luar negeri untuk mengemecam sudahlah tidak datang ke Dewan tetapi kecam pula ke Hong Kong dan sebagainya. Inilah yang kita merasakan satu suasana pilu. Sepatutnya seluruh orang profesional, seluruh orang intelektual, seluruh orang bijak pandai dan lain-lain pada hari ini perlulah menggabungkan tenaga dan fikiran bagi memastikan bahawa kita dapat menggabungkan tenaga, masa dan suasana . . . . .

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):**  
Ahli Yang Berhormat Marang, ada yang bangun.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:**  
.....bagi menjayakan kebaikan Dasar Ekonomi Baru.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):**  
Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas, apa hendak?

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya minta penjelasan sedikit sahaja? Saya ingin bertanya daripada Ahli Yang Berhormat dari Marang, sahabat saya, iaitu mengenai dengan kenyataan yang dibuat oleh bekas Timbalan Perdana Menteri di Hong Kong itu, adakah Ahli Yang Berhormat telah membaca kenyataan itu sepenuhnya. Adakah Ahli Yang Berhormat mempunyai keratannya mengenai dengan apa yang disebutkan oleh bekas Timbalan

Perdana Menteri itu? Sebab kita tahu media-media massa asing sentiasa juga kita kritik kerana mereka itu ada juga kadang-kadang menulis berita-berita, kadang-kadang tidak tepat sebagaimana yang diucapkan oleh setengah-setengah pemimpin negara kita. Itu sahaja saya bimbang, takut-takut ianya disalahertikan. Terima kasih.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:**  
Saya boleh baca. Ini panjang di Hongkong. Bukan kita main-main. Saya baca satu ayat sahaja. Dengan izin, "Mahathir wants this snap election whatever the consequences." Maknanya Mahathir itu mahu pilihanraya mengejut dalam apa juga cara. Ini bukan saya main-main, seluruh dunia tahu ini. Ada lagi, "but if he has any indication that he would lose, he could and would create trouble in Malaysia as an excuse for emergency to be declared, he said." Maknanya kalau ada tanda-tanda yang menunjukkan bahawa Dr Mahathir ini kalah, dia kemungkinan akan mewujudkan huru-hara dalam Malaysia dengan cara mengisytiharkan darurat. Declare emergency itulah.

Ini bermakna jelas kepada kita bahawa perkara ini bukan main-main. Saya secara personal sangat mengkagumi tokoh ini dan secara peribadi saya menghormatinya. Saya tidak ada musuh dengan dia. Tetapi saya rasa sangat sedih, pilu dan terharu. Goncangan hati dan kalbu ini juga adalah merupakan simbol goncangan hati dan kalbu orang ramai. Kerana dalam suasana dan keadaan yang sebegini, kita tidak seharusnya kerana marahkan seseorang maka kita bakarkan negara. Marahkan nyamuk, ketambu kita bakar. Yang sepatutnya, kalau kita hendak marah nyamuk, nyamuklah kita pukul, pok-pang! (Ketawa) begitu sepatutnya.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** (Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Bagan Serai bangun.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Silakan.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa pepatah itu silap. Sepatutnya "Marahkan pijat, kelambu dibakar". Kalau bukan marahkan nyamuk kelambu dibakar, lingkuplah badan. (*Ketawa*)

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Terima kasih. Pepatah itu tidak penting. Yang penting bagi kita ialah apabila kita bercakap mestilah kita bertanggungjawab kepada apa yang kita cakap. Kalau kita sudah membuat satu kesimpulan bahawa akan wujudnya satu pilihanraya, akan wujudnya satu pengisytiharan darurat yang akan dibuat sedangkan taukeh dia tidak buat apa-apa, ini merupakan satu pendustaan, satu tuduhan. Walau bagaimanapun saya mintalah daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak usahlah ambil tindakan apa-apa. Cuma kita mengingatkan bahawa usaha-usaha yang seperti ini sepatutnya biarlah Ahli dari Puchong ataupun wakil DAP yang seorang itu bercakap. Yang ini kita sudah tahu kerana suasana, cara dan keadaannya hanya menentang apa juga dan dalam bila-bila masa sahaja.

Sebab itu dalam kita membetulkan Akta Kesatuan Sekerja, kita tidak hairan kalau ada orang yang berjuang kononnya kata wakil dari Bandar Kuching politik mesti selaras dengan Akta Kesatuan Sekerja. Bohong semata-mata. Sebab itu dia lari, dia takut; masa saya berucap memang dia takut. Saya juga tidak suka apabila kita bercakap tidak rasional. Macam wakil dari Arau ini rasional saya suka. (*Ketawa*)

**Dr Eng Seng Chai:** (*Masuk ke Dewan*)

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Dia masuk dah! Welcome, dengan izin. (*Ketawa*) Kemudian apa yang lebih malang lagi saya melihat bagaimana. . . .

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua. . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ya, Yang Berhormat dari Pasir Mas.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Saya ingin bertanya Yang Berhormat dari Marang, kenapakah di waktu berucap selalu buat provokasi. Kita boleh memberi kritikan tetapi saya rasa etok kita berbahas supaya perbahasan kita ini kita kurangkan pada provokasi tetapi kita boleh kritik sesama kita. Sekian, terima kasih.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih pada pandangan saudara Yang Berhormat. Saya provoke ini kerana saya hendak seimbangkan provokasi orang lain terhadap saya. Kalau tidak seimbang, tidak balance Dewan ini tidak syok. Dan orang mungkin tidak faham walaupun saya bergurau, walaupun saya melawak tetapi lawak dan gurau saya bukan standard A. R. Badul. Ini standard Ahli Parlimen. Bukan saya hendak memuji diri ini tidak. Gurau dan provokasi saya ini diilhamkan serta memberi simbol bahawa kita juga kadangkala begitu sensitif, begitu peka kepada suasana dan keadaan tertentu. Saya boleh menjadi seorang yang defensive, dengan izin. Tetapi juga saya akan menjadi anak harimau yang offensive, dengan izin, kalau sekiranya perkara-perkara yang tidak sihat ditonjolkan begitu keterlaluan.

Saudara Yang Berhormat Ahli dari Pasir Mas tidak apa, dia bagus. Saya

cerita tentang orang-orang lain. Jadi, saya minta dia diam sekejap. Saya melihat wakil dari Bandar Kuching semalam memberi amaran. Dalam memberi amaran dia tengok saya begini sahaja. Saya baca Peraturan 35 (1) dan Tuan Yang di-Pertua semalam bersetuju. Kononnya, "Kalaulah Kerajaan tidak anggap serius dengan masalah-masalah pekerja-pekerja", "Kalaulah Kerajaan tidak anggap serius. . . .", dua kali dia ulang saya ulang ayat dia "maka. . ." dia tidak berani kata habis. Saya sudah tahu walaupun dia tidak berani kata habis, tetapi kita sudah dapat gambaran \*'. . . . maka kononnya tumbanglah Kerajaan". Tetapi saya ingin mengingatkan wakil dari Bandar Kuching bahawa pekerja golongan marhaen, golongan buruh adalah bukan golongan bodoh, bukanlah golongan yang tidak berperikemanusiaan.

Dengan adanya Akta ini saudara-saudara tahu seluruh pekerja-pekerja yang ada di dalam Malaysia entah berapa ribu, Menteri Buruh tahu tidak berani dipermainkan oleh majikan. Majikan tidak berani membuat sesuka hati, kerana kita ada Akta, kita ada peraturan, kita ada undang-undang. Sebab itulah contohnya Fasal 3 ditukarkan supaya gelaran Pendaftar Kesatuan Sekerja ditukarkan kepada Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja. Ini bukan bererti untuk membolot kuasa tetapi adalah untuk memberikan tanggungjawab, kawalselia, pengawasan dan kawalan yang lebih baik.

Jadi, sebab itulah saya kita orang-orang wakil dari Puchong serta orang-orang yang sanggup membuat fitnah itu kita patut, kita seru seluruh pekerja menyalahkan pemimpin-pemimpin yang seperti ini. Nyah ini bukanlah saya syorkan atas perasaan marah saya ataupun tidak rasionalnya tetapi kita melihat terlalu banyak sangat tanggukan di air keruh, kerana

dalam suasana begini kita janganlah terlalu banyak berpolitik. Janganlah menggunakan medan kesatuan sekerja ataupun menggunakan Parlimen ini untuk mengabui mata rakyat, untuk mengabui mata orang ramai kerana orang ramai dan rakyat sebenarnya tidak akan terpengaruh dengan segala bentuk emosi dan perasaan. Yang lebih terpengaruh, yang lebih dimanfaatkan dan yang lebih diutamakan ialah bentuk tindakan dan amalan dan ini telah dibuktikan oleh Barisan Nasional pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad yang dikasihi.

Saya juga pada petang ini ingin menekankan satu perkara yang jelas iaitu mengenai "in-house union". In-house union ini saya kira merupakan sebuah kesatuan sekerja di kawasan masing-masing, sendiri-sendiri. Tubuh ahli-ahli sendiri, apa salahnya. Ini tidak, wakil dari Puchong bantai, wakil dari Bandar Kuching bantai. Wakil dari Petaling Jaya tidak bantai lagi, mungkin dia akan bantai dan sebagainya kerana dia mahu wujudkan industrial union. Kita mestilah ada hukum lojik, ada hukum munasabah. In-house union ini diwujudkan untuk merapatkan hubungan di antara pekerja dengan majikan serapat-rapat yang boleh atau semurni-murni yang boleh dan kalau tidak diiktiraf in-house union, maka tidak berlakulah perapatan di antara pekerja dengan majikan di tempat itu secara lebih selamat dan terjamin satu.

Kedua, sudah barang tentulah berlainan company, berlainan syarikat, mempunyai kewibawaan keuntungan yang berbeza, mempunyai kepimpinan yang berbeza, mempunyai matlamat yang berbeza, mempunyai citarasa yang berbeza. Bagaimana kalau kita hendak gabungkan semua ini jadi sama rata dalam bentuk industrial union? Jawablah. Kalau DAP hendak jawab, bangunlah, Ini bukan provoke, ini cerita. Saya ajak dia berbahas

dengan cara intelektual, bukan saya hendak berbahas kerana sekadar hendak berbahas, bukan kerana hendak adakan provokasi, tetapi secara baik, secara orang Barisan Nasionallah katakan. Berbahaslah dengan cara baik, dengan cara rasional. Sebab itu kalau ada dikatakan bahawa kerana ada penekanan, kerana ada itu dan ini, baru Kerajaan hendak ada in-house union, ini merupakan satu pembohongan yang paling besar sekali, kerana in-house union diwujudkan sama dengan wujudnya Akta Kesatuan Sekerja.

Kalau ada Timbalan Menteri Buruh . . . . ya, dia ada, dia mengangguk, cara dia angguk itu menunjukkan memang benar, betul, bersetuju. Maknanya kalau ada orang-orang yang mahukan industrial union, saya nampak jelas, Pemberita hendak tulis, tulislah. Industrial union, saya nampak adalah untuk ditangguk, dikauk oleh orang-orang tertentu, hendak jadi herolah boleh jadi Setiausaha Kesatuan Sekerja, boleh jadi Yang di-Pertua Kesatuan Sekerja, boleh jadi Bendahari Kesatuan Sekerja, bukan main act lagi dengan kereta Mercedesnya, kereta besar-besar. Ini semua kononnya dia hendak dakwa, "akulah champion, akulah hero industrial union satu Malaysia."

Lepas itu pergi ke Amerika, pergi Britain. pergi Perancis, cerita macam-macam. "You mesti dengar I-lah. Kalau you tak dengar cakap I, matilah you." Inilah cerita yang bukan-bukan, kononnya dia pejuang. Yang sebenarnya yang pejuang, yang memberikan galakan ialah majikan, Kerajaan. Inilah kita nampak satu kepincangan yang sangat nyata. Bila kita bercakap masalah ini, dia lari keluar, dia takutlah itu. Inilah perkara yang saya rasa sangat sedih yang wujud di kalangan pemimpin-pemimpin kita yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menekankan sedikit mengenai dengan fasal-fasal yang ada dalam Akta Kesatuan Sekerja ini. Yang pertama, iaitu Fasal 6 memberikan kemudahan bagi Ketua Pengarah menjalankan pemeriksaan keahlian ke atas kesatuan sekerja jika ada tuntutan untuk pengiktirafan oleh kesatuan ini. Memanglah ini merupakan satu pindaan yang sangat baik. Pihak Kementerian Buruh, pegawai-pegawainya yang ada di kiri kanan ini merupakan orang-orang yang jauh pandangannya dan bagus, sebab kalau keahlian tidak diperiksa di dalam mana-mana kesatuan sekerja, jahanam negara.

Sejarah telah membuktikan di zaman semasa komunis yang membuat kacau ini sebenarnya orang-orang dari trade unions. Bangunlah DAP kalau hendak bangun, orang-orang daripada kesatuan sekerja yang diimport, bekas pemimpin-pemimpin komunis daripada tanah besar China, daripada yang pro komunis, daripada India pun ada dan juga daripada pelbagai pertubuhan yang pro komunis dan Komintang. Ini telah berlaku pada dekad tahun 1930an, pada tahun 1920an, pada tahun 1940an bagaimana kesatuan sekerja ini telah dibolot dan telah juga diresapi oleh pengaruh-pengaruh komunis yang telah didatangkan dari Parti Buruh sehinggakan Parti Buruh itu diharamkan oleh Kerajaan Malaysia. Sebab itu soal memberi kuasa kepada Ketua Pengarah untuk melihat dan memeriksa keahlian merupakan satu langkah yang bijak dan patut diberi penghormatan. Sebab itu saya mengatakan di awal-awal lagi pegawai-pegawai buruh ini memang kelas punya orang. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada mereka.

Fasal 7 juga, saya melihat diberikan satu kelonggaran, iaitu seksyen 28 (1) (b) supaya pengalaman bekerja yang

minima bagi seseorang dalam mana-mana perdagangan, pekerjaan atau industri untuk memegang jawatan dalam kesatuan sekerja itu dikurangkan daripada 3 tahun kepada 1 tahun. Ini tidak payahlah saya mendalami secara detail, dengan izin, tetapi boleh juga saya simpulkan, untuk meluaskan keahlian orang yang memegang jawatan itu ramai lagi. Kalau 3 tahun baru boleh memegang jawatan, bagaimana orang yang setahun, bagaimana yang dua tahun sebelas bulan sebelas hari? Semua ini akan melambatkan atau membantut kebijaksanaan otak seseorang itu. Soal hendak memegang jawatan ini tidak semestinya 3 tahun dia boleh jadi cerdik. Orang kalau IQnya baik, sekejap sahaja okay, macam Yang Berhormat dari Arau. Kalau lama pun, dua penggal pun, kalau tidak faham, tidak fahamlah. Tidak payah cerita.

Fasal 10 juga, saya lihat satu peraturan yang baik iaitu semua pindaan ini dibuat dalam Bahasa Kebangsaan. Tadi Yang Berhormat dari Lembah Pantai telah mengatakan bersetuju dan bagus kerana mendaulatkan Bahasa Malaysia. Saya tidak melihat masalah pendaulatan sahaja, saya melihat lebih daripada itu.

Soal masalah pendaulatan Bahasa Malaysia ini soal cerita lama, soal yang mesti dibuat tetapi dalam konteks pekerja, kita menyedari bahawa berapa orang sangat yang pandai bercakap bahasa Inggeris ini. Tidak ramai. Tambah-tambah lagi sekarang ini penekanan kepada sekolah-sekolah untuk menggunakan satu bahasa sahaja. Berapa oranglah yang pandai sangat menggunakan bahasa Inggeris. Kalaulah pemimpin atas itu pandai bahasa Inggeris, professional pula, kena dia seomoh, selalu, dialah yang untung, sebab dia pandai bahasa Inggeris, dia pandai baca, dia pandai

tafsir, lebih-lebih lagi dia pandai kelintong dan sebagainya, dia menanglah.

Pekerja yang tidak pandai bahasa Inggeris ini anggok sahaja macam itek air, itek jawa, anggok semacam, anggok itu anggok tidak faham. Sebab itu saya lihat penukaran dan juga pindaan untuk menggunakan Bahasa Malaysia bukan sekadar mendaulatkan Bahasa Malaysia sahaja. Tetapi lebih daripada itu adalah untuk memberi jaminan bahawa pekerja bukan sahaja bertindak sebagai pekerja, bukan sahaja mandor, bukan sahaja kuli, bukan sahaja manager tetapi pekerja juga mestilah orang-orang yang boleh menghayati perlembagaan, orang-orang yang boleh mengetahui serta merasakan apa yang terkandung dalam Akta, kerana dari segi kehidupan pergerakan mereka yang dikandung yang dihayati, yang dituju, yang bermatlamat, bukan nyawa, tetapi Akta itu sendiri yang penting. Saya kira inilah satu pindaan yang berani. Tetapi saya juga mencadangkan supaya janganlah Akta ini sahaja dipinda dalam Bahasa Malaysia, tetapi seluruh Akta mesti diterjemah, ditarjih, dinaskahkan dalam Bahasa Malaysia seluruhnya. Itu baru saya bersetuju 100% bagaimana Ahli dari Lembah Pantai katakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang Fasal 11 (b) bertujuan memotong seksyen 41 (h) dengan maksud menghapuskan keperluan mengambil undi sulit untuk membuat keputusan bagi penubuhan atau pergabungan dengan mana-mana persekutuan kesatuan sekerja atau mana-mana badan perunding. Saya bersetuju ini kerana apalah hendak diadakan undi sulit kerana hendak menubuhkan pertubuhan kesatuan. Undi sulit ini, kalau kita hendak singkir orang, kita buatlah undi sulit.

Misal kata, saya tidak suka seseorang itu menjadi manager di kompany "A", saya hendak kata, "I tak sukakan you", I pun malu sangat. Tidak bolehlah, kita pun hendak jaga muka, jaga maruah, jaga perhubungan persahabatan dan, sebagainya. Tetapi kalaulah kita hendak menubuhkan persatuan, hendak wujudkan satu gabungan, hendak adakan satu badan, saya kira tidak perlu undi sulit. Hendak tubuh kesatuan sekerja elektronik, tubuhlah. Hendak tubuh persatuan peniaga-peniaga sayur macam Encik Hashim ini, tubuhlah, hendak tubuh kesatuan pekerja-pekerja getah—tubuhlah, tidak payahlah hendak dipersulit-sulitkan.

Jadi, Pasal 11 ini ia teiah memberi makna yang besar bahawa dalam soal penubuhan pengabungan badan dan sebagainya soal sulit-sulit ini perlulah kita ketepikan, perlulah kita berikan kesempingan. \*

Saya juga melihat Pasal 4, naik ke atas balik, iaitu supaya kuasa Ketua Pengarah urituk menolak pendattaran sesebuah kesatuan yang lain hanya terpakai dalam keadaan di mana sudah ada kesatuan yang mewakili pekerja-pekerja dan pada pendapatnya tidak akan mendatangkan apa-apa faedah. Jadi, ertinya dalam Pasal 4 ini Pengarah boleh tolak kesatuan-kesatuan baru bila tiada faedah. Hari ini, Tuan Yang di-Pertua, terlalu ramai sangat orang hendak jadi ketua kesatuan ini; baik-baik orang kampung beri-beri duit, baik-baik orang pekerja beri-beri duit, beri-beri pengaruh, ajak-ajak pergi datang ke K.L. dan sebagainya, kemudian tubuhkan satu persatuan. Ini kadang-kadang bertentangan dengan faedah, bertentangan dengan citarasa Pengarah itu sendiri.

Jadi, sebab itulah kalau sekiranya pada pendapat Pengarah dalam Pasal 4 ini mana-mana kesatuan yang tidak mendatangkan mantaat dan taedah

kepada diri ahli itu, maka tidak berhak ahli-ahli walau seramai manapun, walau sekuat manapun untuk mewujudkan satu persatuan atau pertubuhan baru. Yang menjadi hancur, yang menjadi kelamkabut ialah negara kerana tidak ada kawalan dari segi penubuhan baru. Bila ada suara majoriti, bila ada ramai hendak tubuh, tubuh. Sebab itu kadang-kadang dalam bidang kerja yang sama, dalam konteks yang sama kita dapati dua, tiga kesatuan buruh. Jadi, dengan adanya pindaan kepada kuasa Ketua Pengarah ini saya kira ianya adalah merupakan satu pindaan yang sangat baik.

Pasal 14, saya juga bersetuju membenarkan dengan nyata penubuhan persekutuan kesatuan-kesatuan sekerja bagi seluruh Malaysia. Kita int kena ingatlah kita ini bukan Persekutuan Tanah Melayu ataupun Semenanjung, kita ini Malaysia, bererti kita sudah masukkan Sabah dan Sarawak. Sabah dan Sarawak merdeka dan dimasukkan dalam Malaysia pada tahun 1963, bukan pada tahun 1988, tetapi kerana kita sudah baru sedar, kita juga boleh terima. Sepatut dan elok sangatlah Sabah dan Sarawak ini dimasukkan dalam kesatuan-kesatuan sekerja di seluruh Malaysia. Wakil dari Pucung tidak bersetuju dengan cadangan di seluruh Akta ini kerana di Sabah dan Sarawak, DAP tak sokong dia, tak ada pengaruh.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mohon memberikan beberapa pandangan saya dalam soal Akta Kesatuan Sekerja ini. Yang pertama, saya mencadangkan supaya majikan mempertingkatkan kepentingan kebajikan pekerja-pekerja, iaitu dengan mengadakan perkara-perkara yang boleh mendatangkan bukan

sahaja kesukaan kepada pekerja untuk bekerja tetapi mendatangkan faedah, umpamanya mewujudkan tempat-tempat tinggal, memberikan rawatan-rawatan mengadakan kemudahan-kemudahan, mengadakan lawatan sambil belajar dan seumpamanya.

Hari ini paling malang dan mendukacitakan kerana kita dapati hanya majikan-majikan yang berhati perut sahaja, majikan-majikan yang mempunyai peri kemanusiaan sahaja yang menekankan soal-soal ini. Kebanyakan setengah daripada majikan mementingkan soal keuntungan. Kita mesti ingat bahawa manusia ini bukan lembu, mungkin bahasa saya kasar, tetapi untuk menseimbangkan dengan keadaan dan tindakan setengah-setengah majikan yang tahu cekik, hisap darah bagaikan lintah darat ini perlu diberhentikan. Dan kalau perlu saya mencadangkan kepada pihak Kementerian Buruh, kalau perlu, diwujudkan satu kuatkuasa supaya majikan mengadakan perkara-perkara yang seperti ini apabila ia telah mencapai tahap-tahap yang tertentu. Mungkin kalau kita hendak beri terus kepada satu majikan yang baru ditubuhkan mungkin agak berat sedikit kerana masalah kewangan dan sebagainya, tetapi tahap itu mesti dipost-mortem balik, mesti dikaji balik dan soal kebajikan pekerja ini mesti dibuat, barulah pekerja-pekerja tak demonstrasi, tak mengamuk. Ini balik-balik demonstrasi. balik-balik mengamuk, balik-balik marah kepada Kerajaan. ini semua majikan tak ambil berat. Tetapi kalau majikan sudah ambil berat, kita sudah ambil berat, kalau dua pihak ambil berat, matilah pekerja ini, tak berontaklah dia. Inilah yang saya hendak maksudkan, yang hendak saya beratkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mencadangkan supaya pihak Kerajaan ini memberikan semacam penghargaan dan penghormatan tahunan kepada

pekerja-pekerja mereka dan bukan sahaja pekerja-pekerja, tetapi juga memberikan penghormatan kepada majikan-majikan yang dapat menjaga pekerja-pekerja dia, yang dapat memberikan hasil pulangan faedah yang baik kepada dia dan ini kita boleh adakan satu pengiktirafan dari masa ke masa.

Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan juga supaya antara majikan diadakan satu majlis musyawarah, majlis syurah, macam wajib di antara majikan dengan pekerja kepada semua kesatuan kerana kita lihat ada majikan yang kurang baik dengan pekerja dan majlis itu kalau perlu bolehlah dinamakan majlis antara pekerja dengan majlis syurah, antara pekerja dengan majikan atau ringkasnya bolehlah kita namakan majlis syurah, "PEMAJI" kah. Ertinya "PEMAJI" itu "pekerja" dan "majikan" atau apa sahajalah, saya hanya beri contoh sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi dalam Rang Undang-undang ini saya ingatkan bahawa kita bukanlah emosi dalam memberikan pandangan kita, tetapi kita juga sensitif, kita juga peka terhadap pandangan-pandangan setengah pihak yang bercakap sehingga boleh menjejaskan suasana pelaburan negara, yang bertindak dan juga memberi gambaran serta ukuran sehingga boleh membantutkan pertumbuhan ekonomi, yang juga memberikan laungan-laungan sehingga boleh menggagal serta menjejaskan dasar-dasar yang telah kita paku dan kita pahatkan seperti Dasar Ekonomi Baru, Dasar Penyusunan Semula Masyarakat, dasar-dasar pekerjaan dan sebagainya. Jadi, ingatan ini adalah ingatan yang saya kira paling baik. Jangan kita memikirkan kemenangan di Parit Raja sahaja sehinggakan kita menyebabkan pelaburan negara terjejas, sehinggakan tamparan yang begitu

hebat kepada masalah penamaan modal dan juga pelaburan di negara ini sendiri.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya bukanlah emosional untuk mengatakan bahawa kita menentang serta menolak pandangan-pandangan yang seperti ini terus-menerus tanpa rasa bimbang dan takut kerana pernyataan ini adalah pernyataan yang kita dasarkan kepada pandangan-pandangan yang rasional dan hukum lojik serta munasabah tindakan yang telah dan sedang dibuat oleh pemerintah itu sendiri.

Maka, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon maaf kepada pihak-pihak yang mungkin tergigit hati dan perasaan kerana tujuan dan matlamat saya bukan untuk berbuat demikian tetapi untuk menjelas serta menegakkan soal-soal yang saya kata benar dan hak atas pendirian ini sendiri. Jadi, dengan kata-kata dan harapan itu saya menyokong penuh agar Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda akta Kesatuan Sekerja 1959 ini diluluskan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Muar.

5.39ptg.

**Tuan Haji Mohamed Sam bin Haji Sailan (Muar):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut mengambil bahagian membahaskan suatu Akta Kesatuan Sekerja 1959 yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri tempoh hari. Saya berpendapat bahawa Akta ini perlu pindaan berdasarkan kepada keperluan-keperluan sejajar dengan perkembangan, kemajuan dan pembangunan yang berlaku dengan pesatnya kepada ekonomi negara. Perkara pindaan ini adalah satu perkara biasa seperti juga pindaan-pindaan yang telah dibuat terdahulu daripada ini, iaitu pindaan tahun 1959

daripada Akta asal, pindaan tahun 1969, juga dilakukan pindaan tahun 1980 dan sekarang ini kita bahaskan pindaan tahun 1988.

Saya berpendapat juga bahawa pindaan ini sejajar dengan perkembangan dan kemajuan kesatuan sekerja itu sendiri. Ini dapat dilihat daripada perkembangan yang berlaku kepada kesatuan sekerja yang pada satu ketika dahulu berjumlah lebih kurang 75 buah dan sekarang ini berjumlah lebih kurang 350 buah kesatuan. Saya yakin tenaga ahli juga bertambah dan sekarang ini menjangkau angka lebih kurang setengah juta orang. Dengan perkembangan dan kesedaran berkesatuan dari kalangan pekerja dan pada masa ini merupakan pekerja-pekerja yang lebih terbuka, berpelajaran dan lebih profesional, saya yakin pindaan kepada Akta ini adalah kena sekali dan tepat pada masanya,

Saya mempunyai keyakinan bahawa pindaan-pindaan yang dicadangkan kepada Akta Kesatuan Sekerja 1959 dengan berasaskan kepada prinsip-prinsip di antara lain, pertumbuhan ekonomi, kos pengeluaran yang rendah dan pelaksanaan undang-undang buruh yang flexible, tentunya telah dibincangkan dan telah diteliti dengan mendalam oleh pihak-pihak tertentu. Saya yakin Kerajaan, majikan, kesatuan-kesatuan sekerja, pekerja-pekerja sendiri dan pihak-pihak yang lain yang ada kaitan telah terlibat dengan secara langsung, malahan satu Jawatankuasa peringkat Menteri yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri diwujudkan pada awal tahun 1988 untuk membincangkan perkara ini. Pendeknya segala pendekatan telah dicari dan digunakan sebelum pindaan ini dibawa ke Dewan ini untuk dibahaskan. Pendek kata pihak-pihak tertentu tidak usahlah bimbang

dan ragu-ragu di atas kesesuaian dan kebaikan pindaan-pindaan ini dan kejujuran Kerajaan mencadangkannya. Walaupun begitu, saya ingin mengingatkan Kerajaan bahawa ada beberapa pindaan yang saya fikirkan perlu dikaji dan diteliti supaya pindaan-pindaan ini tidak digunakan oleh pihak-pihak tertentu bagi kepentingan politik dan peribadi mereka, malahan segala pindaan ini mestilah mempunyai objektif untuk kepentingan pekerja itu sendiri.

Saya berpendapat Fasal 6, dengan tujuan meminda Seksyen 26, subseksyen (1A) dan memasukkan selepas sahaja subseksyen (1A), subseksyen (1B) untuk menjelaskan bahawa seseorang tidak boleh menganggotai atau terus menjadi ahli sebuah kesatuan sekerja jika ia bukan digaji dalam mana-mana perdagangan, pekerjaan atau industri yang ada kaitan dengan kesatuan itu.

Fasal 6 dengan seksyen 26 (1A) harus dikekalkan tanpa pindaan seperti yang dicadangkan. Takut disalahgunakan dan dieksploitasi oleh orang-orang tertentu, apa yang saya anggapkan sebagai "professional cari makan", dengan izin. Kita merenung kembali pengalaman kita dalam kes G.S.P. yang sehingga ini belum lagi selesai. Tidak mungkin dalam satu negara seperti negara kita ini yang mengamalkan sistem demokrasi bebas, ada orang-orang yang berfikiran waras menghendakkan bahawa G.S.P. ini ditarik balik seperti yang dilakukan oleh setengah daripada pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja pada hari ini. Saya percaya bahawa kiranya G.S.P. ini ditarik balik, faedahnya bukan sahaja akan melibatkan Kerajaan, tetapi yang lebih penting lagi ialah pihak pekerja itu sendiri. Tetapi malang sungguh ada pihak pemimpin kesatuan sekerja dan saya anggapkan mereka ini adalah "profesional cari makan"

sengaja membangkit-bangkitkan perkara ini dan bukan setakat itu sahaja, mengesyorkan agar kemudahan G.S.P. yang diberikan kepada negara kita ini ditarik balik. Ini adalah merupakan satu sabotaj yang saya anggap sebagai anti Kerajaan, malahan lebih teruk lagi kerana ini melibatkan ekonomi negara dan bolehlah kita anggapkan sebagai satu sabotaj yang boleh disama-ertikan sebagai satu jenayah ataupun wabak dadah. Tindakan tarik balik G.S.P. ini kalau dilakukan tanpa keperimanusiaan akan melumpuhkan ekonomi negara seperti negara kita yang berasaskan kepada eksport barang-barang utama.

Sungguh malang sekali bagi negara kita kerana ada pemimpin-pemimpin yang tidak bertanggungjawab yang menggunakan situasi ini untuk kepentingan politiknya dan untuk kepentingan peribadinya. Lebih menghairankan lagi ialah pihak pekerja dan kesatuan sekerja itu sendiri masih lagi condone, dengan izin, kepada cara dan pemikiran pemimpin-pemimpin yang saya sebutkan tadi. Saya takut dengan adanya fasal 6 dengan pindaan kepada seksyen 26 (1A) dan 26 (1B), ia akan memberi peluang kepada pemimpin-pemimpin kesatuan yang tidak bertanggungjawab untuk mengeksplotasi dan memperalatkan kesatuan bagi tujuan kepentingan politik dan peribadi mereka. Peluang ini lebih terbentang luas dengan adanya kelulusan Kerajaan membolehkan pekerja dari industri elektronik mengadakan kesatuan dan untuk pengetahuan Dewan ini jumlah pekerja yang ada sekarang ini adalah lebih kurang 100,000 orang dan kalau angka ini ditambah dengan jumlah pekerja-pekerja yang ada di dalam kesatuan-kesatuan yang ada, jika Fasal ini disalahgunakan akan melumpuhkan ekonomi negara. Lebih-lebih lagi kita lihat bahawa

industri elektronik negara kita menghadapi masa depan yang cerah dan dengan adanya pihak kesatuan yang tidak bertanggungjawab dan kalau dieksploitasikan keadaan, pelabur-pelabur asing akan tidak menjadikan negara kita ini sebagai tempat yang sesuai untuk dilaburkan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan harapan yang demikian dan dengan keteguhan yang sedikit, saya ingin menyokong cadangan pindaan Akta Kesatuan Sekerja 1959.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, sila jawab.

*5.48ptg.*

**Timbalan Menteri Buruh (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas Rang Undang-undang bagi meminda Akta Kesatuan Sekerja 1959. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyokong Rang Undang-undang ini, khususnya Ahli-ahli Yang Berhormat dari Arau, Kuala Kerai, Padang Terap, Padang Serai, Ulu Selangor, Sabak Bernam, Tanah Merah, Besut, Lembah Pantai, Kimanis, Marang dan yang akhir sekali tadi dari kawasan Muar.

Kementerian Buruh menghargai pandangan-pandangan serta saranan-saranan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan dan seberapa yang boleh Kementerian akan berpandukan syorsyor ini untuk melicinkan lagi pentadbiran hal ehwal kesatuan-kesatuan sekerja demi untuk kepentingan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini, untuk menjawab beberapa perkara yang

telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini. Ahli Yang Berhormat dari Puchong telah menuduh bahawa undang-undang kesatuan sekerja kita tidak demokratik dan bercorak anti-trade unionism dan anti kesatuan sekerja. Saya menolak sama sekali tuduhan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat itu. Ahli Yang Berhormat dari Puchong sendiri mengakui bahawa bitangan kesatuan sekerja dan keahlian kesatuan-kesatuan sekerja dalam negara ini telah bertambah. Ini dengan sendirinya menjadi bukti bahawa Kerajaan telah mewujudkan satu suasana yang demokratik bagi perkembangan trade unionism di Malaysia.

Ahli Yang Berhormat dari Puchong perlu sedar juga bahawa jika Kerajaan tidak demokratik atau anti pekerja, sudah tentu beliau sendiri tidak akan dapat melibatkan diri secara begitu luas dan aktif dalam pergerakan trade unionism dalam negara ini. Apa yang membimbangkan Kerajaan ialah sama ada perkembangan Trade Unionisme akan menguntungkan para pekerja pada keseluruhannya ataupun pemimpin-pemimpin mereka sahaja. Oleh itu, undang-undang yang dikuatkuasakan adalah bertujuan untuk memastikan supaya perjalanan aktiviti-aktiviti Kesatuan Sekerja adalah teratur dan selaras dengan kepentingan pekerja-pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan bahawa perkembangan Trade Unionisme perlu juga mengambil kira kepentingan ekonomi negara pada keseluruhannya. Kita sedar bahawa dalam isu Trade Unionisme, kepentingan kedua-dua pihak pekerja dan majikan perlu dipertimbangkan. Adalah jelas bahawa jika tidak wujudnya majikan maka tidak akan wujudlah peluang-peluang pekerjaan. Sebaliknya majikan-majikan juga perlu menerima hakikat bahawa pekerja-pekerja

mereka harus diberi layanan yang sewajarnya bagi menjamin sumbangan produktif dari mereka. Pendek kata, kedua-dua pihak perlu menjalinkan perhubungan baik di antara mereka sendiri. Undang-undang yang dikuatkusakan hanya bertujuan membolehkan Kerajaan memainkan peranan bagi memastikan agar perkembangan Trade Unionisme adalah selari dengan keperluan negara.

Tuan Yang di-Pertua, pendirian Ahli Yang Berhormat dari Puchong tidak bersetuju sama sekali dengan cadangan-cadangan pindaan yang dikemukakan dalam Dewan yang mulia ini juga tidak lojik. Ahli Yang Berhormat itu adalah Setiausaha Agung MTUC, beliau telah mewakili MTUC dalam beberapa perbincangan di antaranya dengan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri serta juga di dalam Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan. Dalam perbincangan-perbincangan tersebut beliau tidak menyuarakan bantahan terhadap pindaan-pindaan yang dicadangkan (*Tepuk*), sebaliknya MTUC telah bersetuju dengan pindaan-pindaan yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang ini.

Saya ingm menegaskan bahawa cadangan-cadangan pindaan yang tidak dapat diterima oleh MTUC di peringkat Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan teiah dimansuhkan. Inilah satu bukti bagaimana demokratiknya Kerajaan Malaysia pada hari ini. Ini menunjukkan lagi sikap dan amalan demokratik pihak Kerajaan itu seharusnya mendapat sokongan dan jika perlu disebut oleh semua pihak kalau mereka berucap di dalam mana-mana forum sekalipun.

Pada keseluruhannya, saya berpendapat bahawa bantahan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah semata-mata

untuk membantah sahaja, memandangkan pendirian beliau tidak mencerminkan persetujuan yang telah dicapai di antara pihak pekerja, majikan dan Kerajaan dalam Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan.

Tuan Yane di-Pertua, berkenaan dengan Fasal 5, Ahli Yang Berhormat dari Puchong telah menyatakan bahawa fasal itu bertujuan membolehkan Kerajaan secara tidak langsung untuk menggalakkan pertumbuhan kesatuan-kesatuan dalam syarikat atau, dengan izin, "in-house union". Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri buruh telah menjelaskan dalam ucapannya sewaktu membentangkan Rang undang-undang ini, tujuan pindaan ini adalah untuk mengelakkan "inter-union rivalry" dengan izin, bagi menjamin agar pertumbuhan Trade Unionisme adalah secara teratur. Jika "inter-union rivalry" tidak dikawal sudah tentu akan wujud satu keadaan di mana sebilangan kesatuan itu tidak mendapat sokongan yang mencukupi dari pekerja-pekerja dan ini sudah tentu akan menjejaskan kepentingan pekerja-pekerja sendiri dan keharmonian perhubungan perusahaan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Puchong juga menuduh bahawa Fasal 2 dalam Rang Undang-undang tidak mengambil kira kebajikan pekerja. Saya ingin menyatakan mungkin Ahli Yang Berhormat itu tidak begitu memahami akan konsep produktiviti. Memang benar bahawa melalui peningkatan produktiviti pekerja, kos pengeluaran akan berkurangan. Ini akan meningkatkan lagi faedah-faedah kepada semua pihak khususnya ia akan mengukuhkan lagi keupayaan syarikat-syarikat kita bersaing dengan lebih berkesan di pasaran-pasaran antarabangsa. Dengan ini bermakna keuntungan pada keseluruhannya akan meningkat dan ini akan

membuka peluang bagi semua pihak yang terlibat untuk memperbaiki kebajikan pekerja. Oleh itu, saya ingin menyeru agar Ahli Yang Berhormat bersama-sama pihak Kerajaan berusaha menggalakkan sikap dan amalan-amalan produktif.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit sebanyak mengenai penubuhan kesatuan sekerja di sektor elektronik. Seperti yang telah diterangkan dalam pengumuman Kementerian Buruh mengenai perkara ini, pekerja-pekerja di dalam sektor ini boleh menubuhkan dan menyertai kesatuan-kesatuan sekerja. Dalam hubungan ini, jenis kesatuan yang akan diberi pertimbangan akan tertakluk kepada beberapa faktor. Di antaranya ialah keinginan pekerja-pekerja yang berkenaan dan juga kepentingan ekonomi negara. Perlu juga saya menekankan bahawa kedua-dua kesatuan kebangsaan dan kesatuan dalam syarikat atau "in-house union" adalah sama-sama diiktirafkan sebagai kesatuan sekerja oleh Kerajaan sebagai kesatuan yang mempunyai hak-hak yang sama dan sama-sama berkeupayaan untuk memainkan peranan secara berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menegaskan bahawa pendaftaran kesatuan-kesatuan dalam syarikat bukanlah satu perkara yang baru. Mengikut undang-undang sekarang, Pendaftar mempunyai kuasa untuk mendaftarkan kesatuan dalam syarikat. Sehingga ini telah wujud 224 kesatuan dalam syarikat yang mempunyai keahlian lebih dari 190,000 yang telah didaftarkan di bawah Akta Kesatuan Sekerja 1959. Oleh itu peruntukan-peruntukan yang sedia ada adalah memadai dan tidak perlu Akta Kesatuan Sekerja 1959 dipinda khusus bagi pendaftaran kesatuan dalam syarikat.

Dalam hubungan ini juga, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada

Ahli Yang Berhormat dari Arau yang mencadangkan agar pekerja-pekerja di sektor elektronik menubuhkan kesatuan-kesatuan "in-house" supaya tidak menakutkan para pelabur dari menambahkan pelaburan di dalam sektor ini. Pada pandangan beliau juga, kesatuan dalam syarikat lebih berkesan dalam mewujudkan perhubungan perusahaan yang lebih erat dengan majikan-majikan. Cadangan dan pandangan Ahli Yang Berhormat itu memang kena pada masanya memandangkan bahawa sektor-sektor elektronik yang telah berkembang selama 15 tahun masih lagi perlu berkembang.

Berbalik kepada Ahli Yang Berhormat dari Puchong, saya ingin memaklumkan kepada Dewan ini bahawa Kerajaan Malaysia telah meratifikasikan Konvensyen ILO 1958 yang antara lain memberi perlindungan kepada pekerja-pekerja melibatkan diri di dalam aktiviti-aktiviti kesatuan sekerja. Selain dari itu, perlindungan yang sama diperuntukkan dalam Akta Perhubungan Perusahaan 1967. Oleh yang demikian, jika terdapat kes-kes penindasan pekerja-pekerja di sektor elektronik yang terlibat dalam penubuhan kesatuan sekerja pekerja-pekerja berkenaan bolehlah membuat laporan tertentu kepada pihak Kementerian Buruh.

Ahli Yang Berhormat dari Bagan telah menuduh Kementerian Buruh tidak mengambil berat akan surat yang telah dihantar oleh MTUC kepada Kementerian Buruh yang kononnya menyenaraikan tindakan-tindakan penindasan yang telah dilakukan oleh majikan-majikan elektronik, Surat itu tidak mengandungi apa-apa tuduhan yang spesifik. Walau bagaimanapun, Pendaftar Kesatuan Sekerja telah diminta untuk menyiasat perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Arau telah juga

mencadangkan supaya pemegang-pemegang jawatan penting dalam kesatuan sekerja hendaklah menghadkan kepada mereka yang sebenarnya bekerja dalam industri yang berkenaan. Beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain juga telah menyuarakan perkara yang sama. Beliau juga menekankan agar tempoh perkhidmatan pemegang-pemegang jawatan kesatuan dihadkan kepada satu tempoh tertentu seperti yang dicadangkan bagi juru audit.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini saya ingin menerangkan bahawa adalah menjadi hasrat Kerajaan menggalakkan kesatuan-kesatuan yang kukuh, sihat dan bertanggungjawab. Oleh sebab itu, pada pandangan Kerajaan orang-orang yang memegang jawatan-jawatan kesatuan-kesatuan memainkan peranan yang penting dalam kemajuan kesatuan.

Bagi sebuah kesatuan yang mempunyai ahli yang ramai, adalah perlu orang yang berkenaan bekerja sepenuh masa dengan kesatuan supaya aktiviti-aktivitinya dapat dijalankan dengan lancar dan berkesan. Apabila seseorang dipilih untuk memegang salah satu jawatan tersebut, tempoh memegang jawatan adalah satu, dua atau tiga tahun menurut peruntukan peraturan-peraturan kesatuan berkenaan. Selepas tempoh itu pemilihan baru hendaklah dijalankan. Bagi orang yang bekerja sepenuh masa dengan kesatuan adalah jelas bahawa beliau tidak lagi digaji dalam trade, pekerjaan atau industri yang asal. Dalam keadaan ini orang itu tidak boleh meneruskan keanggotaannya dalam kesatuan menurut seksyen 26 (1A) yang dipinda, dan oleh itu beliau tidak boleh bertanding dalam pemilihan semula. Adalah jelas bahawa ini adalah tidak wajar dan tidak adil. Oleh yang demikian peruntukan baru di seksyen

26 (1B) dibuat untuk membolehkan orang-orang yang dinyatakan di atas itu mengekalkan keahlian dalam kesatuan selagi mereka itu dipilih dan digaji oleh kesatuan. Ini menunjukkan bahawa dakwaan Ahli Yang Berhormat dari Puchong yang Kerajaan menyekat hak-hak pekerja adalah tidak berasas sama sekali.

**Tuan Shahidan bin Kassim:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Arau!

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan dari Yang Berhormat Timbaian Menteri. Daripada jawapan Yang Berhormat tadi menunjukkan bahawa matlamat utama ialah untuk kita menjamin supaya perjalanan kesatuan sekerja tersebut sihat.

Saya hendak bertanya secara ikhlas di sini, adakah Kerajaan berpuas hati dengan cara perjalanan dan dengan kepimpinan kesatuan sekerja yang ada sekarang, sebab baru-baru ini Kerajaan tidak berpuas hati, sebagai contohnya, dengan kenyataan dan juga perbuatan yang telah dibuat oleh Setiausaha MTUC? Tetapi jawapan tadi nampak gaya sudah berlawanan seolah-olah Kerajaan berpuas hati. Jadi saya ingin bertanya adakah Kerajaan berpuas hati dengan kedudukan kesatuan sekerja sekarang.

Yang keduanya, apakah boleh orang-orang yang memegang jawatan bergaji dalam trade union itu dia tidak boleh membuat apa-apa kenyataan berhubung dengan trade union yang berkenaan, dia cuma makan gaji, menjaga pentadbiran sahaja seperti yang dibuat oleh koperasi-koperasi dan juga pertubuhan-pertubuhan yang lain, sebab setakat yang saya tahu MTUC sendiripun bukan trade union, MTUC ialah sebuah pertubuhan.

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan bahagian yang kedua iaitu perkara menyekat, melarang atau menghadkan pekerja-pekerja ataupun orang yang digaji oleh kesatuan itu membuat kenyataan, itu adalah dalam lingkungan urusan kesatuan itu sendiri dan kita tidak mempunyai apa-apa suara ataupun kita tidak mempunyai apa-apa hak melainkan kesatuan itulah boleh menghadkan atau melarang dan sebagainya.

Berkenaan dengan maksud Ahli Yang Berhormat sama ada Kementerian ini puas hati dengan pegawai-pegawai kesatuan sekerja, sebenarnya ini adalah soalan secara umum. Kalau ada satu orang seperti yang dicontohkan kepada Ahli Yang Berhormat dari Puchong dalam MTUC ini, kita tidak boleh mengatakan semua pegawai-pegawai kesatuan sekerja ini tidak baik. Jadi oleh sebab itu kalau satu contoh sahaja tidak bermakna yang lain itu tidak baik. Ada perjalanan kesatuan sekerja yang baik, ada perjalanan kesatuan sekerja yang tidak baik. Jadi sebab itu peruntukan Rang Undang-undang ini kita buat, kita pinda bagi mengemaskinikan lagi supaya kita dapat menyelia, mengawal dengan lebih berkesan kesatuan sekerja ini. Jadi saya mengucapkan terima kasih di atas pandangan Yang Berhormat itu. Memang kita memperkenalkan pindaan yang baru ini untuk mengemaskan lagi keadaan supaya bagi pihak pegawai-pegawai kesatuan yang tidak bertanggungjawab itu kita boleh ambil tindakan, malahan kalau sekiranya kesatuan-kesatuan ini tidak mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan, berbagai-bagai cara boleh diambil tindakan hatta sehingga ada di antaranya kita mansuhkan pendaftaran kesatuan mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua, satu pandangan yang telah dikemukakan

oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Selangor agar peraturan-peraturan mengenai pergabungan kesatuan-kesatuan sekerja dengan badan-badan antarabangsa agar diperketatkan.

Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching pula berpendapat tidak perlu dikenakan sebarang sekatan ke atas perkara ini sama ada bagi pergabungan yang dilakukan dengan badan-badan dalam negeri mahupun badan-badan dari luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, soal pergabungan kesatuan-kesatuan telah dikaji secara mendalam, sejak pindaan kepada Akta Kesatuan Sekerja 1959 yang telah dibuat dalam tahun 1980. Memandangkan pergabungan kesatuan-kesatuan dengan badan-badan dalam negeri tidak menimbulkan apa-apa masalah, maka Kerajaan telah bersetuju melonggarkan peruntukan yang sedia ada bagi memudahkan pergabungan kesatuan-kesatuan dengan badan-badan consultative dalam negeri tanpa memperolehi kebenaran Pendaftar. Walau bagaimanapun, Kerajaan tidak setuju memberi kelonggaran yang sama bagi pergabungan kesatuan-kesatuan sekerja dengan badan-badan consultative di luar negeri. Ini adalah memandangkan Pendaftar perlu memastikan terlebih dahulu bahawa sesuatu pergabungan itu adalah selaras dengan objek-objek kesatuan dan di samping itu secara cadangan pergabungan itu benar-benar diinginkan oleh ahli-ahli kesatuan.

Ahli Yang Berhormat dari Hulu Selangor juga menyatakan bahawa cadangan untuk meminda seksyen 38, bagi melonggarkan peraturan berkaitan dengan undi sulit bagi maksud kenaikan yuran adalah tidak demokratik. Dalam perkara ini saya ingin menerangkan peraturan yang sedia ada memerlukan kesatuan sekerja memperoleh sokongan

majoriti ahli-ahli yang berhak mengundi, sebelum keputusan boleh dibuat bagi menaikkan yuran keahlian. Dari pengalaman Kementerian Buruh didapati peraturan ini menyulitkan kesatuan-kesatuan sekerja kerana sebilangan besar pekerja-pekerja yang berhak mengundi tidak mengembalikan kertas undi sulit. Keadaan ini dari segi jangka masa panjang boleh menjejaskan kedudukan kewangan kesatuan-kesatuan sekerja dan seterusnya aktiviti-aktiviti mereka. Ini tidak sejajar dengan perkembangan trade unionism di negara ini. Oleh itu Kementerian Buruh telah mengambil keputusan untuk membenarkan kesatuan-kesatuan menaikkan yuran berasaskan bilangan undi sulit yang dikembalikan sahaja. Peraturan ini adalah demokratik memandangkan bahawa semua ahli yang berhak mengundi akan diberi peluang memberi undi mereka.

Tuan Yang di-Pertua, satu soalan yang telah dibangkitkan sama ada terdapat kes penyelewengan kewangan oleh kesatuan-kesatuan sekerja. Ingin saya memaklumkan bahawa Kementerian Buruh ada menerima pengaduan-pengaduan dari pekerja-pekerja mengenai penyelewengan tabung kesatuan dan penyiasatan sedang dijalankan. Kementerian Buruh tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas ke atas mereka yang menyatahgunakan tabung-tabung kesatuan sekerja.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah menyentuh. ....

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, minta penjelasan.

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad:** Saya ingin mendapat penjelasan yang lebih lanjut mengenai bentuk penyelewengan yang telah disebut oleh Yang Berhormat tadi.

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, berbagai-bagai penyelewengan dari segi penggunaan duit oleh pegawai kesatuan sekerja; membelanjakan wang kepada bukan perkara yang dibenarkan mengikut peruntukan dan sebagainya. Tetapi secara detailnya tidak dapatlah saya hendak berikan pada petang ini kerana masih dalam penyiasatan.

Dan penyiasatan ini akan dibuat pada bila-bila masa, bila kita mendapat aduan daripada pekerja dan manamana pihak yang menyedari kesilapan itu.

Beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah menyentuh mengenai soal produktiviti, gaji minima yang disentuh oleh Ahli dari Padang Terap, eksploitasi pekerja-pekerja dan peluang-peluang pekerja-pekerja menyertai ekuiti syarikat, perkara-perkara ini tidak ada kaitan secara langsung dengan Rang Undang-undang yang dibentangkan. Oleh itu saya tidak bercadang untuk memberi ulasan ke atas perkara-perkara ini pada masa sekarang.

Walau bagaimanapun, Ahli Yang Berhormat bolehlah membangkitkan perkara ini semula sewaktu kita membincangkan soal pindaan Akta Kerja 1955 yang mana perkara berkaitan secara langsung dengan Akta tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli dari Sabak Bernam ada membangkitkan masalah pertubuhan majikan-majikan yang didaftarkan di bawah Akta Kesatuan Sekerja dan juga di bawah Akta Pertubuhan. Di bawah Akta Kesatuan Sekerja 1959 hanya

pertubuhan majikan yang keanggotaannya terhad kepada majikan-majikan dalam sesuatu industri atau industri-industri yang serupa dan mengendalikan objek-objek kesatuan sekerja dikehendaki didaftarkan di bawah Akta Kesatuan Sekerja.

Pertubuhan-pertubuhan majikan yang tidak jatuh dalam kategori tersebut tidak boleh didaftarkan di bawah Akta ini dan bolehlah didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan.

Ahli dari Besut telah membawa berbagai-bagai cadangan yang bernas dan baik dan saya mengucapkan ribuan terima kasih dan untuk makluman Dewan, banyak daripada pindaan-pindaan yang dibuat di bawah Akta ini semasa beliau lagi menjadi Timbalan Menteri dahulu telah diusahakan dan dicadangkan untuk dipinda.

Ahli daripada Besut. . . .

**Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua, (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat.

**Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Tuan di-Pertua, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Walaupun penjelasan Yang Berhormat terhadap perkara-perkara yang saya timbulkan belutn lagt habis, tetapi saya hendak menyebut satu perkara. Di dalam ucapan saya tadi menggambarkan sokongan saya kepada pindaan seksyen 26 Akta itu dengan menambah atau memasukkan satu subseksyen baru (!B) kerana sebagaimana yang diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, tujuan subseksyen baru (IB) ini ialah bagi membolehkan pegawai-pegawai yang digaji oleh sesebuah trade union terus digaji dan

menjalankan tugas atau memegang jawatan tersebut walaupun orang yang berkenaan itu tidak digaji atau bekerja di dalam industri berkenaan.

Cadangan ini ditentang hebat oleh beberapa orang Ahli back-benchers, ahli-ahli penyokong Kerajaan termasuk dengan lantangnya oleh Ahli Yang Berhormat dari Marang.

Jadi, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri atau pihak Kerajaan bercadang sewaktu Akta ini ditimbangkan di peringkat Jawatankuasa untuk menghapuskan subseksyen (IB) ini.

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar Yang Berhormat Ahli Parlimen daripada Besut menyokong Rang Undang-undang ini, sebab itu saya pada awal-awal ucapan tadi telah mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Besut kerana menyokong Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soal yang baru dibangkitkan tadi, kita sekarang ini di hadapan kita adalah satu Rang Undang-undang (pindaan) pada Akta ini yang telah dibentangkan. Kalau ada apa-apa yang kita hendak pinda dan sebagainya itu akan dibincangkan dalam waktu peringkat Jawatankuasa.

Ahli dari Besut membawa masalah tentang tafsiran industri, trade atau pekerjaan yang serupa. Di bawah Akta Kesatuan Sekerja kuasa untuk tafsiran tersebut adalah diberi kepada Pendaftar. Walaupun tiada garis panduan mengenai perkara ini, Pendaftar tetap menjalankan penyiasatan yang teliti sebelum membuat satu-satu keputusan. Jika ada keraguan, Pendaftar juga boieh mendapat pandangan-pandangan pihak-pihak tertentu sebelum

membuat keputusan. Jika sesuatu pihak tidak berpuas hati, pihak itu bolehlah merayu kepada Menteri Buruh yang mempunyai kuasa untuk membatalkan ataupun mengubah keputusan Pendaftar.

Ahli dari Besut menyarankan supaya Pendaftar Kesatuan Sekerja menjalankan tugas-tugas pembangunan. Ini adalah satu cadangan yang baik, malahan pada masa ini pun kita sedang menguruskannya dan boleh menjalankan tugas-tugas ini, jika ada permintaan.

Ahli dari Lembah Pantai mencadangkan supaya deraf ucapan ahli-ahli kesatuan sekerja yang hendak diucapkan di luar negeri itu disemak oleh Pendaftar terlebih dahulu. Tuan Yang di-Pertua, cadangan ini sebenarnya adalah bertentangan dengan prinsip kebebasan bersuara. Jadi kita tidak bercadang untuk menyemak apa juga ucapan ahli-ahli kesatuan sekerja ini di luar negeri kerana kita adalah sebuah negara yang mengamalkan demokrasi. Walau bagaimanapun, pegawai-pegawai kesatuan kita beri nasihat supaya mereka lebih bertanggungjawab kepada ucapan mereka supaya tidak menjejaskan kepentingan negara. Ahli-ahli kesatuan ini adalah orang-orang yang telah matang, mereka seharusnya tahu membezakan yang mana baik, yang mana buruk bagi negara. Kalau mereka tidak dapat membezakan di antara mana yang baik dan yang mana buruk untuk negara mereka samalah seperti mereka tidak dapat hendak membezakan mana yang baik untuk diri mereka dan mana yang tidak baik untuk diri mereka. Orang yang tidak tahu membezakan yang mana baik untuk diri mereka dan yang mana buruk untuk diri mereka adalah orang yang tidak sayangkan diri mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli dari Kimanis menyentuh tentang tempoh kelayakan menjadi pegawai. Sebelum seseorang pekerja dipilih untuk menjadi seorang pegawai kesatuan, ia harus mempunyai pengalaman yang mencukupi dalam industri yang kesatuannya ada kaitan supaya ia dapat menjalankan tugas-tugasnya dengan berkesan, khususnya dalam perundingan dengan majikan berkaitan dengan kadar gaji dan juga syarat-syarat pekerjaan. Jadi masa yang dikurangkan dari tiga tahun ke setahun adalah difikirkan wajar.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa lagi Ahli-ahli yang bercakap daripada Muar, daripada Marang dan sebagainya telah menyentuh juga perkara-perkara yang sama, yang mana telah saya jelaskan dalam ucapan saya sebentar tadi sewaktu menjawab perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh rakan-rakan yang sebelumnya.

Akhir sekali, soalan mencampurkan politik dengan aktiviti-aktiviti kesatuan sekerja yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Arau dan juga Bandar Kuching.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang tidak membenarkan pemegang-pemegang jawatan atau pekerja parti politik menjadi pegawai-pegawai eksekutif dalam kesatuan-kesatuan sekerja. Kesatuan sekerja juga tidak dibenarkan mengadakan tabung untuk tujuan-tujuan politik. Selain daripada itu, undang-undang yang sedia ada juga melarang kesatuan sekerja dari menggunakan tabung mereka secara langsung atau tidak langsung dalam aktiviti-aktiviti politik.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah ini saya ingin menambah, pemimpin kesatuan sekerja haruslah sedar mereka menjadi pemimpin kerana dipilih oleh ahli-ahli kesatuan

mereka. Ahli-ahli kesatuan mereka mempunyai harapan agar pemimpin kesatuan sekerja ini memperjuangkan hak-hak mereka dan kalau mereka menggunakan kemudahan ini untuk tujuan politik, bermakna mereka tidak menjalankan tugas-tugas mereka dan amanah yang dipertanggungjawabkan kepada pekerja-pekerja mereka. Saya berharap pekerja-pekerja menyedari perkara ini dan bijak memilih manakah pemimpin yang boleh memperjuangkan hak pekerja-pekerja dan membezakan dengan pemimpin yang memang bercita-cita sendiri untuk faedah diri mereka sendiri. Jadi, ini kita pulangkan kepada ahli-ahli kesatuan sekerja. Dalam amalan demokrasi, mereka boleh memilih sesiapa yang mereka mahu untuk memimpin mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah disebut oleh Menteri Buruh semasa membentangkan Rang Undang-undang ini kesatuan sekerja diakui boleh membuat sumbangan yang positif kepada kemajuan sosio-ekonomi. Oleh itu Rang Undang-undang yang dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini telah memberi pertimbangan yang sewajar kepada keperluan perkembangan trade unionisme secara sihat dan teratur. Oleh itu, saya ingin menyeru kepada kesatuan-kesatuan sekerja agar aktiviti--aktiviti mereka tidak menjejaskan kepentingan negara. Nasib dan masa depan kesatuan sekerja juga bergantung kepada kejayaan kesatuan-kesatuan sendiri dalam mendapat sokongan pekerja-pekerja. Kerajaan tidak boleh dipersalahkan jika pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja tidak dapat memperolehi sokongan daripada pekerja-pekerja. Misalnya keahlian NUPW yang pernah mempunyai 120,000 orang ahli pada 1974, sekarang telah merosot kepada 90,000 orang ahli sahaja. Ini bukan salah Kerajaan. Keadaan ini bukanlah disebabkan oleh

undang-undang. Maka terpulanglah kepada pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja untuk mencari jawapannya kepada perkara itu.

Mengenai lain-lain perkara yang tidak sempat saya jawab pada hari ini, saya ingin menegaskan bahawa ianya akan diberi perhatian yang sewajarnya oleh Kementerian. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *memperkerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 18—*

**Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Pengerusi, saya pohon izin untuk menyentuh sekali lagi berhubung dengan Fasal 6 iaitu pindaan kepada Seksyen 26 Akta ibu iaitu dengan menambahkan sub-seksyen baru (IB). Saya hendak minta dengan tegas di sini supaya Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya Ahli Yang Berhormat dari Marang dan lain-lain Ahli Yang Berhormat yang dengan lantangnya menentang pertambahan sub-seksyen baru ini supaya di peringkat ini bercakap menentang dan membuat pindaan atau sekurang-kurangnya mengundi untuk menentangnya. Terima kasih.

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Tuan Pengerusi, kita tidak bercadang untuk membatalkan sub-seksyen ini walaupun ada Ahli-ahli

yang telah menyuarakan tidak setujunya kerana kita berasa itu adalah kebebasan mereka untuk menyuarakan pemikiran mereka, tidak semestinya kita setuju, kerana kita telah mengkaji dengan begitu teliti atas perkara ini dan kita dapati Seksyen 26 (1B) itu mustahak dimasukkan.

*Pasal 1 hingga 18* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan, dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG  
PERBEKALAN TAMBAHAN (1987)  
(No. 2) 1988**

Bacaan Bagi Kali Yang Kedua

6.28 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan 1987 dan bagi peruntukan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi peruntukan berjumlah \$2,831,700 dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk

membiasai perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan 1987.

Sebenarnya Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Ketiga 1987 adalah berjumlah \$95,170,410 tetapi sebanyak \$2,831,700 sahaja diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang ini kerana baki daripada jumlah peruntukan tersebut sebanyak \$92,338,710 adalah merupakan perbelanjaan tanggungan yang tertakluk kepada perbekalan undang-undang tertentu. Tambahan peruntukan sebanyak \$2.8 juta yang diminta diluluskan sekarang di bawah Rang Undang-undang ini adalah untuk menampung kekurangan peruntukan bagi membiayai bayaran emolumen kakitanganambilan tempatan dan kakitangan dari Malaysia di Pejabat-pejabat Perwakilan Malaysia di Seberang Laut, pemberian dan sumbangan Kerajaan Malayaia kepada Pertubuhan-pertubuhan Antarabangsa iaitu Suruhanjaya Selatan-Selatan, Tabung Perpaduan Islam dan Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara ataupun ASEAN serta menampung kadar pertukaran matawang asing dalam 1987 di bawah Maksud B.27 Kementerian Luar Negeri.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, sila duduk! Yang Berhormat boleh sambungan pada hari Isnin.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup. Majlis ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari Isnin, 17hb Oktober, 1988.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*

